

# **PELAN STRATEGIK JAWHAR 2007-2011**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**“GEMILANG DIGILAP, TERBILANG DITEKAD”**

# **PELAN STRATEGIK JAWHAR**

**(2007 - 2011)**

**“Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad”**

**Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji  
Jabatan Perdana Menteri  
Putrajaya, Malaysia  
2007**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
PUTRAJAYA,  
MALAYSIA  
2007**

© Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2007

Cetakan Pertama 2007

Hak cipta terpelihara.

Dilarang mengeluarkan semula mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini atau mengubah dalam apa jua bentuk atau cara, samada elektronik atau mekanikal, termasuklah fotokopi, rakaman atau mana-mana sistem storan, tanpa keizinan bertulis daripada penerbit.

ISBN 978-983-43303-6-1

**Diterbit oleh:**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 7, Blok E2, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62502 PUTRAJAYA**

Tel. No: 03-8883 7400 Fax No: 03-8883 7406

**Disusunatur dan dicetak oleh:**

Misas Advertising Sdn. Bhd.  
No. 30, Jalan 4/23B, Taman Danau Kota,  
**53300 KUALA LUMPUR**  
Tel: / Fax No: 03-4024 2004

# *Al-Fatihah*

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah  
lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam,  
Maha Pemurah lagi Maha Penyayang,  
Yang menguasai hari pembalasan.

Hanya kepada Engkau kami sembah dan  
hanya kepada Engkaulah kami mohon  
pertolongan.

Hidayahkanlah kami jalan yang lurus,  
(iaitu) jalan orang-orang yang telah  
Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka;  
bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan  
bukan mereka yang sesat.

# Kandungan

<b>Perutusan</b>	<b>v</b>	<b>BAB 5 : Analisis &amp; Hala Tuju Strategik 2007:2011</b>	<b>35</b>
<b>Sekapur Sireh</b>	<b>vii</b>	- Pengenalan	
<b>Seulas Pinang</b>	<b>ix</b>	- Persekutaran Perkhidmatan Awam Yang Dinamik	
<b>BAB 1 : Pendahuluan</b>	<b>1</b>	- Perkhidmatan Awam: Mencapai Kecemerlangan Organisasi	
- Pengenalan		- Pengauditan Situasi Semasa JAWHAR	
- Objektif		- Analisis SWOT	
- Tujuan Dokumen		- Penutup	
- Latar Belakang JAWHAR		<b>BAB 6 : Teras Strategik JAWHAR 2007:2011</b>	<b>43</b>
- Peranan JAWHAR Dalam Pembangunan Negara		- Pengenalan	
- Aspirasi Keterbilangan JAWHAR		- Teras Strategik JAWHAR	
- Penutup		- Penanda Aras Utama	
<b>BAB 2 : Projek JAWHAR 2020 °</b>	<b>15</b>	- Penutup	
- Pengenalan		<b>BAB 7 : Pelan Tindakan Strategik</b>	<b>53</b>
- Projek JAWHAR 2020 °		- Pengenalan	
- Impian Projek JAWHAR 2020 °		- Pelan Tindakan Strategik	
- Penutup		- Penutup	
<b>BAB 3 : Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011)</b>	<b>21</b>	<b>BAB 8 : Jadual Pelaksanaan</b>	<b>71</b>
- Pengenalan		- Pengenalan	
- Impian JAWHAR		- Jadual Pelaksanaan Tahunan	
- Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011)		- Penutup	
- Penutup		<b>BAB 9 : Mekanisme Pemantauan Pelaksanaan</b>	<b>83</b>
<b>BAB 4 : Penyediaan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011)</b>	<b>27</b>	- Mekanisme Pemantauan Pelaksanaan	
- Pengenalan		- Penutup	
- Fasa Penyediaan Pelan Strategik		<b>Bab 10 : "Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad"</b>	<b>87</b>
- Kitaran Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011)		<b>Bab 11 : Kesimpulan</b>	<b>91</b>
- Kumpulan Perbincangan			
- Penutup			



# Perutusan

## Menteri di Jabatan Perdana Menteri

*"Cabaran pada hari ini adalah jauh lebih hebat daripada era yang lalu, manakala cabaran yang akan muncul pada masa hadapan pula sudah pasti lebih mencabar daripada apa yang ada pada hari ini. Maka kebolehan melihat cabaran, potensi, kekuatan dan kelemahan dengan perspektif yang lebih menyeluruh dan holistik akan menjadi kunci penentu kejayaan pengurusan sesebuah organisasi."*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan taufik-Nya, Pelan Strategik Lima Tahun Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dapat disempurnakan perancangannya dan didokumentasikan dalam bentuk penerbitan buku Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) sewajarnya.*

*Perancangan strategik merupakan satu elemen penting di dalam pengurusan sesebuah organisasi. Cabaran pada hari ini adalah jauh lebih hebat daripada era yang lalu, manakala cabaran yang akan muncul pada masa hadapan pula sudah pasti lebih mencabar daripada apa yang ada pada hari ini. Maka kebolehan melihat cabaran, potensi, kekuatan dan kelemahan dengan perspektif yang lebih menyeluruh dan holistik akan menjadi kunci penentu kejayaan pengurusan sesebuah organisasi. Seterusnya, perspektif menyeluruh tadi perlulah digarap dan dicerna melalui proses tadabbur dan tadbir yang mantap bagi membolehkan hala tuju dan teras tadbir urus strategik sesebuah organisasi itu (seperti visi, misi, etika kerja dan teras strategik organisasi) menjadi jelas dan lebih fokus.*

*JAWHAR sebagai sebuah jabatan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan mengenai hal ehwal pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji di negara ini, sudah pasti mempunyai peranan yang begitu penting dan besar. Cabaran membangunkan ummah melalui pemantapan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji adalah satu cabaran yang memerlukan keikhlasan, komitmen, kebijaksanaan dan usaha yang sistematik. Ianya bukan sahaja memerlukan pengurusan yang bersifat*

*pragmatik, proaktif dan dinamik, tetapi mestilah didukungi juga dengan modal insan yang bersifat luhur akhlak dan budi yang tinggi. Sistem penyampaian yang berkesan mestilah menjadi objektif produktiviti JAWHAR dan ini memerlukan suatu perancangan yang rapi dan bersifat jangka panjang yang terancang.*


*Penerbitan buku pelan strategik ini sudah semestinya akan menjadi ‘blueprint’ kepada JAWHAR untuk melaksanakan program dan aktiviti yang mana telah dirancang sedemikian rupa bagi memenuhi sasaran dan matlamat yang diimpikan melalui visi barunya iaitu, “untuk menjadi Jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.”*

*Kejayaan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini sudah pasti akan membawa impak yang besar kepada pengurusan institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Impak ini pula akan membolehkan segala potensi pembangunan dan kemajuan yang ada pada harta wakaf, zakat, mal dan haji menjadi penyumbang utama kepada pembangunan dan kemajuan sosio-ekonomi ummah.*

*Akhir kata, saya ingin sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada JAWHAR yang telah mengambil daya usaha yang begitu dinamik dengan penerbitan buku Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini bagi memastikan matlamat penubuhannya dapat disempurnakan sepenuhnya dengan pelbagai nilai tambah yang terbilang.*

*Sekian, terima kasih.*

*والسلام*



**DATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN**



# Sekapur Sireh

Ketua Setiausaha Negara

*“Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada strategi pengurusan menentukan hala tuju strategik yang jelas.”*

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana telah diberikan kesempatan untuk memberikan sepatuh dua kata di dalam buku Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini.*

*Kemajuan dan pembangunan negara pastinya tidak akan dicapai dalam sekilip mata tanpa adanya usaha-usaha dan perancangan yang rapi. Kita amat bersyukur melihat kejayaan hasil usaha yang dilaksanakan membawa “outcome” positif dan menjadi warisan generasi yang akan datang. Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada strategi pengurusan menentukan hala tuju strategik yang jelas. Oleh itu, perancangan pelan strategik merupakan elemen utama untuk terus melangkah ke hadapan dengan teratur serta penuh kejayaan.*

*Sebagai sebuah jabatan Kerajaan yang baru tiga tahun ditubuhkan, JAWHAR memerlukan satu kerangka pelan strategik yang akan menjadi panduan dan rujukan utama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.*

*Antara tanggungjawab JAWHAR ialah memacu keterbilangan jabatan, meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah dan memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji. Bagi memenuhi tanggungjawab tersebut, penerbitan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini adalah suatu usaha yang bijak dan proaktif ke arah meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan jabatan ini. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada JAWHAR kerana telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menterjemahkan aspirasi penubuhan JAWHAR melalui perancangan yang rapi ini.*

*“Antara tanggungjawab JAWHAR ialah memacu keterbilangan jabatan, meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah dan memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji”*

Saya amat berharap perancangan yang telah dibuat ini mampu memberikan impak serta membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Semoga usaha murni ini berjaya menghasilkan outcome yang gemilang dan seterusnya membawa JAWHAR ke tahap yang lebih terbilang lagi dengan pencapaian sepenuhnya projek JAWHAR 2020 © yang diimpikan oleh setiap warga JAWHAR.

Sekian, terima kasih.

والسلام



The image shows a handwritten signature in black ink. The signature consists of two main parts: a stylized 'W' shape on the left and a more fluid, cursive line on the right. Below the signature, there is a horizontal line with the name 'TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN' written in a standard font.

TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN



# Seulas Pinang

## Ketua Pengarah JAWHAR Jabatan Perdana Menteri

*"JAWHAR perlu memainkan peranannya secara lancar dan berkesan dalam usaha memartabatkan pembangunan ummah ke mercu yang terbilang. Dalam pada itu, demi kelangsungan kewujudannya, JAWHAR perlu sentiasa kekal relevan dalam kancah pembangunan perdana negara menerusi hala tuju serta gagasan strategi yang jelas dan teratur."*

### السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

*Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya, Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini berjaya disempurnakan penerbitannya. Pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan buku pelan strategik ini.*

*Walaupun JAWHAR merupakan sebuah jabatan Kerajaan yang baru dilancarkan dengan rasmi pada 8 Oktober 2004, namun amanah yang dipertanggungjawabkan adalah amat besar iaitu untuk memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat, mal dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Justeru itu, JAWHAR perlu memainkan peranannya secara lancar dan berkesan dalam usaha memartabatkan pembangunan ummah ke mercu yang terbilang. Dalam pada itu, demi kelangsungan kewujudannya, JAWHAR perlu sentiasa kekal relevan dalam kancah pembangunan perdana negara menerusi hala tuju serta gagasan strategi yang jelas dan teratur.*

*Tahun 2007 merupakan permulaan pelbagai usaha strategik untuk menjadikan JAWHAR sebagai sebuah jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia. Keadaan ini adalah selaras dengan motto JAWHAR iaitu "Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad." Ke arah matlamat ini maka*


*"Tahun 2007 merupakan permulaan pelbagai usaha strategik untuk menjadikan JAWHAR sebagai sebuah jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia. Keadaan ini adalah selaras dengan motto JAWHAR iaitu "Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad."*

*Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) sebegini amatlah penting sekali sebagai suatu langkah "pemasakkan kaki di bumi dan pengikatan tangan di langit".*

*Untuk memastikan JAWHAR berjaya dengan terbilang menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan maka adalah penting untuk JAWHAR menggarapkan gagasan strategi serta pelan tindakan yang strategik. Justeru itu, Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini bertindak sebagai asas di mana semua program dan aktiviti akan dilaksana, dipantau dan dinilaikan supaya ianya dapat diuruskan dengan lebih berkesan dan menjadi pedoman memacu hala tuju JAWHAR dalam merealisasikan pencapaian hasrat projek JAWHAR 2020 © sewajarnya.*

*Sekian, terima kasih.*

*والسلام*

  
DR. SOHAIMI HUSSIN MOHD SALLEH

# **Bab 1**

## **Pendahuluan**



*“Kita perlu berusaha dan terus berusaha meningkatkan daya saing kita. Kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam adalah faktor penentu keupayaan kita untuk bersaing di arena antarabangsa, sekiranya sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan (Government Service Delivery System) di dalam negara hambar maka daya saing kita akan turut lemah dan tumpul.”*

*- Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi  
Perdana Menteri Malaysia*

# Pendahuluan

## PENGENALAN

Bab ini menerangkan objektif Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) dan tujuan pendokumentasiannya. Di samping itu, bab ini juga menghuraikan latar belakang penubuhan JAWHAR dan hubung kait peranannya dalam arus perdana pembangunan negara.

## OBJEKTIF

Dokumen ini mengemukakan peranan terperinci JAWHAR secara strategik sebagai jabatan Kerajaan yang diamanahkan untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi institusi wakaf, zakat, mal dan haji di Malaysia. Kepentingan amanah yang dipikul ini jelas tergambar pada kemuliaan kedudukan bidang wakaf, zakat, mal dan haji dalam agama Islam, ditambah pula dengan kepentingan dan impak langsung keempat-empat bidang ini kepada pembangunan sosio-ekonomi ummah. Dokumen ini merupakan dukungan kepada Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) yang sememangnya dirancang bagi memastikan visi JAWHAR untuk menjadi sebuah jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan keempat-empat institusi tersebut tercapai dengan efektif. Pelan ini secara tersusun mengandungi panduan bagi pengurusan dan warga JAWHAR untuk:

- **Memetakan hala tuju hijrah yang jelas untuk masa depan JAWHAR;**
- **Menyediakan satu kerangka tindakan yang terancang berdasarkan pelaksanaan tadabbur dan tadbir yang sistematik;**
- **Mengoptimumkan keberkesanan sistem muhasabah dalam pengurusan dan pentadbiran;**
- **Memberikan panduan dasar kepada proses pembuatan keputusan oleh pengurusan yang perlu dibuat dari semasa ke semasa; dan**
- **Menjadi asas kepada penghayatan konsep Syura dan Amal Jama'i dalam organisasi.**

Dokumen ini juga menjadi pedoman terpenting bagi JAWHAR melaksanakan program, projek dan inisiatif untuk lima tahun akan datang (2007 – 2011). Perancangan ini sudah tentu bukan bertujuan menjumudkan pelaksanaan program, tetapi pada hakikatnya merupakan tindakan pragmatik dan proaktif JAWHAR bagi memastikan visi dicapai dan misi terlaksana. Faktor-faktor seperti kehendak *stakeholders* dan ekspektasi pelanggan yang sentiasa berubah-ubah, persekitaran sosio-ekonomi yang dinamik dan isu-isu semasa yang muncul akan sentiasa diambilkira oleh JAWHAR bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan bertaraf dunia.

Tindakan strategik yang dipaksikan kepada kerangka tadabbur dan pentadbiran tauhidik yang merangkumi pengurusan dan program keoperasian, projek dan aktiviti akan dipaparkan secara terperinci sebagai landasan awalan untuk merealisasikan aspirasi projek JAWHAR 2020 °.

## **TUJUAN DOKUMEN**

Tujuan utama dokumen ini ialah untuk memaparkan peranan JAWHAR secara strategik sebagai sebuah jabatan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi mengukuh dan memantapkan tadbir urus institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Dokumen ini juga menjadi jisim komitmen pengurusan dan warga JAWHAR dalam membawa JAWHAR menjadi jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan keempat-empat institusi tersebut. Seterusnya, dokumen ini berfungsi sebagai pelan dasar kepada JAWHAR dalam pelaksanaan program, projek dan aktiviti lima tahun yang akan datang.

Sebagai sebuah jabatan Kerajaan yang dipertanggungjawabkan dengan hal-ehwal keagamaan menerusi empat bidang teras yang mempunyai impak secara langsung terhadap pembangunan sosio-ekonomi ummah, JAWHAR perlu mempersiapkan segala potensi yang ada untuk berperanan sebagai salah satu penyumbang utama kejayaan visi dan misi pembangunan nasional.

Bagi memastikan kefahaman yang tuntas terhadap kandungan dokumen ini, maka perlulah dihayati bersama dokumen dasar-dasar negara yang lain terutamanya:

- **Wawasan 2020**
- **Pendekatan Islam Hadhari**
- **Rancangan Malaysia Ke-9 – Misi Nasional**

## **LATAR BELAKANG JAWHAR**

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah diisyiharkan penubuhannya pada 27 Mac 2004 bersamaan 6 Safar 1425H oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia.

Pengumuman itu mencatatkan sejarah tersendiri yang menjadi titik permulaan usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan.

Iltizam Y.A.B. Perdana Menteri seterusnya dizahirkan lagi dalam ucapan beliau semasa pelancaran Rancangan Malaysia Ke-9.

*“Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal Bumiputra, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan.”*

Pelancaran rasmi JAWHAR disempurnakan pada 8 Oktober 2004 bersamaan 23 Syaaban 1425H oleh Y.B. Dato' Dr Abdullah Bin Md Zin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri selaku menteri yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal Islam. Pelancaran ini telah berlangsung di Dewan 2, Aras Concourse, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Di dalam ucapan perasmianya, Y.B. Menteri menegaskan hasrat Kerajaan seperti berikut:

*“Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematis dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.”*

Setelah beberapa siri pemurnian diadakan, berikut adalah intipati sebenar JAWHAR:

## VISI

Menyedari harapan dan tanggungjawab besar yang diamanahkan dalam memajukan harta umat Islam, JAWHAR telah menetapkan visinya iaitu **menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.**

## MISI

Kejayaan merealisasikan visi ini disandarkan kepada tiga misi yang akan menjadi landasan kepada penjelmaan sebuah jabatan yang unggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji. Misi JAWHAR adalah seperti berikut:

- Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia;
- Meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji; dan
- Memantapkan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia.

## OBJEKTIF

Objektif penubuhan JAWHAR adalah untuk memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar serta program pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dalam setiap rancangan pembangunan negara kekal relevan dan dipantau dengan berkesan demi kemajuan ummah.

## DASAR KUALITI

Setiap warga JAWHAR beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan berkualiti tinggi, profesional, responsif dan berintegriti yang berteraskan syariat Islam serta memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan.

## FUNGSI

Fungsi-fungsi khusus JAWHAR adalah seperti berikut:

1. Merancang, membangun dan menyelaras pembangunan fizikal, perundangan dan institusi wakaf, zakat dan mal agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah;
2. Memberi khidmat nasihat dan maklum balas kepada Y.B. Menteri selaras dengan Peruntukan Akta Lembaga Tabung Haji (A 535) mengenai isu-isu yang berkaitan perundangan, pelaburan dan pengurusan haji;
3. Menjalankan kajian serta penyelidikan, penerbitan dan penyelarasan mengenai isu-isu dan program-program pembangunan khazanah umat Islam supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh ummah; dan
4. Memberi khidmat sokongan dalam pengurusan pentadbiran, sumber manusia dan kewangan serta peningkatan kecekapan sistem teknologi maklumat bagi Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

## KOD ETIKA

Falsafah pengurusan JAWHAR berteraskan kepada Prinsip **HIJRAH** iaitu:

- Hemah dan Beradab**
- Integriti dan Telus**
- Jati Diri Kental, Komited dan Profesional**
- Responsif dan Menepati Masa**
- Akrab dan Kerja Berpasukan**
- Hikmah dan Berpengetahuan**

## PIAGAM PELANGGAN

Setiap warga JAWHAR berlitzam untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan sebagai jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah melalui pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan:

1. Melaksanakan sekurang-kurangnya 90% program tahunan Jabatan mengenai institusi wakaf, zakat, mal dan haji dengan menjalin perkongsian pintar dengan MAIN, entiti zakat negeri, pusat-pusat kecemerlangan tempatan serta antarabangsa dan Lembaga Tabung Haji;
2. Menghasilkan 3 penerbitan setiap tahun berkaitan pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan institusi wakaf, zakat, mal dan haji;
3. Memberikan perkhidmatan sokongan kepada *stakeholders* dan pelanggan secara responsif, cepat dan berintegriti tidak lewat daripada 2 hari bekerja;
4. Memberikan khidmat nasihat kepada *stakeholders* dan pelanggan dalam tempoh 1 hari bekerja selepas menerima pertanyaan;
5. Memberikan khidmat nasihat kepada Y.B. Menteri (apabila diarahkan) tidak lewat daripada 3 hari bekerja mengenai perkhidmatan haji dan pelaburan Lembaga Tabung Haji;
6. Mensasarkan aduan sifar terhadap jabatan oleh *stakeholders* dan pelanggan pada setiap tahun;
7. Memastikan pengurusan kewangan jabatan mengikut prosedur dan peraturan bagi memastikan peruntukan tahunan dibelanja sekurang-kurangnya 95%;
8. Memastikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) diadakan bagi setiap suku tahun;
9. Menjalankan 2 kali pengauditan dalam mengenai pengurusan dan kewangan jabatan selaras dengan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa; dan
10. Memastikan laman web jabatan sentiasa informatif dan dikemaskini sepanjang masa.

## MOTTO

### ***“Gemilang Digilap, Terbilang Ditekad”***

Motto JAWHAR yang baru diperkenalkan ini menyatakan harapan dan semangat JAWHAR untuk meningkatkan kemajuan ummah serta membangunkan bidang-bidang teras ke tahap yang lebih tinggi. Y.A.B. Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi pernah menyatakan ***“Pembangunan fizikal adalah penting dan pembangunan rohani adalah lebih penting”***. Sehubungan itu, warga JAWHAR akan sentiasa memberi penekanan kepada unsur pembangunan rohani di samping menguruskan pembangunan fizikal demi pembangunan sosio-ekonomi ummah ke arah keterbilangan.

## SLOGAN

### ***“Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul”***

Slogan JAWHAR pula membawa pengertian yang sangat mendalam. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab warga JAWHAR digesa untuk melaksanakannya secara tekun dan yang terbaik. Ia juga menunjukkan komitmen JAWHAR yang sangat mementingkan kualiti dalam setiap tindakan yang bakal diambil. Sebagai manusia biasa kesilapan tidak mampu dielakkan secara *total*, namun tahap kesilapan tersebut dapat diminimumkan sekiranya setiap tindakan difikirkan dengan teliti, dirancang dengan komprehensif serta dilaksanakan dengan sebaiknya. Namun kesilapan yang sama tidak seharusnya berulang kerana menurut sebuah hadis ***“seseorang Muslim tidak akan terjatuh di dalam lubang yang sama dua kali.”***

Di samping motto dan slogan, pembentukan jatidiri warga JAWHAR turut disandarkan kepada penghayatan dan amalan beberapa nilai dan etika kerja yang dirangkumkan membentuk perkataan **HIJRAH** seperti dalam **Rajah 1.1**.

Pada masa ini, JAWHAR merupakan satu-satunya jabatan Kerajaan peringkat persekutuan yang diberi tanggungjawab ke atas pengurusan institusi wakaf, zakat, mal dan haji. Bagaimanapun, penubuhan JAWHAR bukanlah bertujuan untuk mengambil alih hak, kuasa dan fungsi mana-mana pihak berkuasa, agensi dan institusi yang sedia ada seperti Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Agama Islam, Pusat-Pusat Zakat atau Lembaga Tabung Haji.

Sebaliknya, kewujudan JAWHAR ini bertujuan untuk membantu, menyelaras, memudahcara dan melengkapkan usaha institusi-institusi sedia ada tersebut untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji. Penubuhan JAWHAR sebenarnya telah membuktikan satu lagi komitmen Kerajaan untuk memartabatkan Islam dan memajukan umat Islam.

JAWHAR diketuai oleh seorang Ketua Pengarah dengan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah dan disokong oleh 81 anggota terdiri dari pelbagai kumpulan dan gred jawatan. JAWHAR kini dibahagikan kepada 9 bahagian mengikut fungsi seperti dalam carta organisasinya di **Rajah 1.2**.

Rajah 1.1 : Etika Kerja Warga JAWHAR




## PERANAN JAWHAR DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Penubuhan JAWHAR berlaku dalam catatan sejarah yang agak unik. Perisytiharan penubuhannya dibuat sendiri oleh pimpinan tertinggi negara, Y.A.B. Perdana Menteri pada 27 Mac 2004, suatu peristiwa yang jarang berlaku dalam konteks penubuhan jabatan-jabatan lain di negara ini. Dari paparan namanya, JAWHAR dilihat 'istimewa' kerana terlibat secara langsung dengan dua dari Rukun Islam yang lima iaitu zakat dan haji. Di sebalik keunikian dan keistimewaan ini, JAWHAR tentulah memikul tanggungjawab dan peranan yang besar dalam arus pembangunan negara. Kepimpinan tertinggi negara sudah pasti meletak pengharapan dan misi paling istimewa yang perlu dilaksanakan oleh JAWHAR dalam mencapai wawasan negara khususnya untuk melonjakkan syiar dan martabat Islam di peringkat nasional dan antarabangsa.

Umum mengetahui kewujudan dan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM yang ditubuhkan secara rasmi mulai 1 Januari 1997 bagi mengambil alih tugas dan menaiktaraf Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) yang bertanggungjawab memelihara kesucian akidah dan ajaran Islam. Dengan tertubuhnya JAWHAR tujuh tahun kemudian, maka kini terdapat dua Jabatan di peringkat Persekutuan yang bertanggungjawab secara langsung mengendalikan program dan aktiviti keislaman.


**Rajah 1.2 : Carta Organisasi JAWHAR**



Sebagaimana tertera pada namanya, peranan utama JAWHAR nampak jelas tertumpu kepada pembangunan institusi wakaf, zakat, mal dan pengurusan haji. Selain pengurusan haji, aspek-aspek pembangunan wakaf, zakat dan mal sebelum ini terletak secara langsung kepada Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal agama. Justeru itu, Kerajaan Negeri mempunyai hak dan kuasa mutlak ke atas perkara-perkara di dalam urusan wakaf, zakat dan mal ini. Namun, dengan kemampuan tenaga dan kewangan yang terbatas serta kekangan lain yang dihadapi, pembangunan secara berkesan dalam aspek-aspek berkenaan masih mempunyai banyak ruang penambahbaikan dan berpotensi besar. Justeru itu, Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR menghulurkan tangan bagi meringankan beban yang dipikul oleh Kerajaan Negeri dalam membangunkan aspek-aspek berkenaan.

Dalam melaksanakan tugasnya, JAWHAR memberikan tumpuan kepada usaha-usaha seperti yang digambarkan dalam **Rajah 1.3**.

**Rajah 1.3 : Peranan JAWHAR Dalam Pembangunan Negara**



Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) ini merangka program dan sekaligus mentransformasikannya ke dalam bentuk aktiviti bagi memaju dan membangun aspek-aspek *core business* JAWHAR. Dengan adanya pelan strategik ini, usaha-usaha JAWHAR akan dapat diperkasakan lagi melalui pendekatan yang lebih terancang, tersusun dan berhemah selaras dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

***"Wahai orang-orang yang beriman. Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah setiap seorang (dari kamu) memerhati apa yang telah disediakan untuk hari esok. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat mengetahui segala yang kamu kerjakan."***

(Surah al-Hasyr, Ayat 18)

Jelaslah bahawa Allah S.W.T. menggesa orang-orang yang beriman supaya berperancangan dan sentiasa beringat-ingat untuk menghadapi hari-hari kemudian. Sehubungan itu, maka amat bertepatanlah JAWHAR mengambil tindakan untuk membentuk perancangan strategiknya supaya natijah yang terhasil sentiasa yang terbaik, terbilang dan bertaraf dunia.

## ASPIRASI KETERBILANGAN JAWHAR

**Wawasan 2020** yang telah diperkenalkan oleh Y.A.Bhg Tun Dr.Mahathir Mohamad (Perdana Menteri Malaysia yang Keempat) pada 28 Februari 1991 semasa majlis pelancaran *Malaysian Business Council* telah memberi satu anjakan pemikiran kepada rakyat Malaysia ke arah dimensi baru bagi mencapai keterbilangan di mata dunia. Ia merupakan satu rangka tindakan konkret bagi rakyat negara ini untuk berusaha mencapai matlamat sebagai sebuah negara bangsa yang maju dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan mengikut acuan tersendiri.

Justeru itu, satu *benchmark* bagi pertumbuhan ekonomi yang merupakan antara faktor penting kemajuan sebuah negara telah digariskan di dalam Wawasan 2020 ini seperti ekonomi yang bersifat pelbagai lagi seimbang, berdiri atas kekuatannya sendiri, mempunyai teknologi yang cekap, mempunyai jaringan industri yang mantap dan digerakkan oleh tenaga minda, kemahiran serta kesungguhan. Bagi merealisasikan wawasan negara ini, JAWHAR menerusi projek pembangunan melangkaui zaman seperti Program Pembangunan Harta Wakaf di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 serta penerbitan Siri Manual Pengurusan JAWHAR kepada agensi-agensi berkaitan sebagai panduan yang piawai bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus wakaf, zakat, mal dan haji, dilihat dapat membangun dan meningkatkan pembangunan serta status sosio-ekonomi ummah pada masa hadapan.

Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini dibentuk selaras dengan matlamat yang digariskan di dalam RMK - 9 ke arah mencapai teras dan objektif **Misi Nasional**. Faktor kualiti modal insan amat dititik beratkan kerana ia bakal memberikan impak yang besar serta merupakan faktor kejayaan utama (*key success factors - KSFs*) bagi mencapai matlamat dan tujuan yang telah ditetapkan.

Bagaimanapun, beberapa cabaran utama perlu diatasi agar Malaysia benar-benar muncul sebagai negara maju menjelang 2020. Paling utama adalah cabaran dalam membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etika dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang kuat; cabaran membentuk sebuah masyarakat penyayang dan sistem sosial yang mementingkan masyarakat daripada diri sendiri dan seterusnya menjamin terbentuknya sebuah masyarakat yang adil ekonominya dengan berkongsi

kekayaan negara secara saksama. Di sini, penekanan diberikan oleh JAWHAR melalui slogan '**Betulkan Yang Lazim, Lazimkan Yang Betul**', kod etika kerja 'HIJRAH', penerapan pembangunan modal insan melalui program pembangunan harta Wakaf dengan kerjasama MAIN serta Kempen Kesedaran Bagi Meningkatkan Kutipan Dan Agihan Zakat bagi membasmi kemiskinan dan membangun sosio-ekonomi ummah dijangka dapat membantu negara mengatasi segala cabaran tersebut.

Berlandaskan senario sedemikian, langkah diatur bagi fasa 15 tahun kedua negara iaitu 2006-2020 bagi mencapai Wawasan 2020 seperti yang diidamkan. Justeru itu, terbentuklah Misi Nasional yang merupakan satu rangka kerja bertujuan memastikan usaha pembangunan negara menghasilkan impak dan prestasi yang lebih tinggi ke arah pencapaian Wawasan 2020. Malaysia perlu mencapai status negara maju berdasarkan acuan dan kemampuan sendiri; meningkatkan keupayaan bersaing di peringkat global; mengukuhkan perpaduan; serta mewujudkan keseimbangan pendapatan dan kekayaan melalui penyertaan yang bermakna oleh semua pihak dalam proses pertumbuhan ekonomi yang produktif dan berdaya saing.

**Pendekatan Islam Hadhari** yang juga diperkenalkan pada tahun 2004 merupakan rangka kerja pembangunan yang menyeluruh untuk negara dan berbentuk sejagat untuk dunia. Ia digubal sebagai satu pendekatan penting kepada rakyat yang menggabungkan pencapaian dan kemajuan, di samping berpegang teguh kepada nilai sejagat dan tuntutan Islam. Islam Hadhari menggariskan 10 prinsip bagi memperkasa rakyat untuk menghadapi cabaran global selain memastikan pelaksanaannya diterima oleh semua kumpulan dalam negara seperti berikut:

### **Prinsip Pendekatan Islam Hadhari**

**Keimanan dan ketakwaan kepada Allah**

**Kerajaan adil dan beramanah**

**Rakyat berjiwa merdeka**

**Penguasaan ilmu pengetahuan**

**Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif**

**Kehidupan berkualiti**

**Pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita**

**Keutuhan budaya dan moral**

**Pemeliharaan alam semula jadi**

**Kekuatan pertahanan**

Justeru itu, prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh Islam Hadhari tersebut menjadi pemudahcara kepada JAWHAR untuk melaksanakan tugas-tugas utamanya.

Selain itu, pendekatan Islam Hadhari juga merupakan salah satu aspirasi JAWHAR untuk memacu pembangunan ummah. Asas pemikiran berasaskan syura' perlu diperluaskan untuk memastikan *survival* umat Islam. Walaupun wujud kefahaman bahawa Islam sebagai suatu cara hidup, namun konteks pemahaman tersebut akan dinilai dan digarap sebagai satu aspirasi untuk memantapkan perkhidmatan yang akan diberikan JAWHAR seiring dengan matlamat Pendekatan Islam Hadhari yang memberikan penekanan kepada aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban yang memberikan fokus kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan modal insan dan pembangunan fizikal.

Seterusnya, usaha Kerajaan diperkuatkan lagi dengan pelan pembangunan pertama daripada tiga rancangan lima tahun bagi Misi Nasional iaitu **Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)** yang mencakupi tempoh 2006-2010. Melalui RMK-9, lima teras penting Misi Nasional dijadikan panduan agar negara tidak tersasar dalam merealisasikan misi negara tersebut. Teras-teras tersebut meliputi peningkatan ekonomi dalam rantaian nilai yang lebih tinggi; peningkatan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'Minda Kelas Pertama'; menangani masalah ketidaksamaan sosio-ekonomi yang berterusan secara membina dan produktif; menangani tahap dan kemapanan kualiti hidup serta menguahkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

JAWHAR kini mempunyai visi dan misi yang selari dengan dasar-dasar utama Kerajaan iaitu Wawasan 2020, Misi Nasional dan Pendekatan Islam Hadhari. Oleh itu, JAWHAR dalam usahanya untuk merealisasikan hala tuju aspirasi dan destinasi keterbilangan tersebut dilaksanakan melalui Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) yang mempunyai 8 teras strategik yang teratur. Usaha murni ini adalah buat pertama kalinya dihasilkan oleh JAWHAR.

Teras-teras strategik JAWHAR yang telah dikenalpasti ialah:

1. Penguahan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah.
2. Pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten, berprestasi tinggi dan tauhidik.
3. Pembangunan pusat rujukan utama dalam penyelarasan dan penyeragaman undang-undang wakaf, zakat dan mal di Malaysia.
4. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengauditan dalaman yang konstruktif dan efektif.
5. Menekankan aspek perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi penyelidikan dan penyelarasan yang memanfaatkan ummah.
6. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan teknologi maklumat dalam memacu keterbilangan kualiti penyampaian perkhidmatan.
7. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang responsif dan berintegriti.
8. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan kewangan yang betul dan teratur.

Bagaimanapun, dalam merealisasi dan memperkasa kelapan-lapan teras strategik JAWHAR tersebut tidaklah sempurna sekiranya tiada program pelaksanaan yang mendukung teras-teras yang telah dihasilkan dengan penuh kesungguhan ini. Justeru itu, program-program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan ini dibahagikan kepada aktiviti penyelarasan, pembangunan institusi, perkongsian ilmu/latihan/pembangunan modal insan, perundangan, pendidikan dan penerbitan, kajian dan penyelidikan serta perantarabangsaan. Aspirasi keterbilangan JAWHAR dapat digambarkan melalui **Rajah 1.4**.

**Rajah 1.4: Projek JAWHAR 2020 °**



## PENUTUP

Kejayaan membentuk sebuah organisasi yang mapan serta kekal relevan merupakan aspirasi seluruh warga JAWHAR di atas satu landasan untuk memartabatkan bidang-bidang teras yang telah dipertanggungjawabkan. Keupayaan membentuk modal insan kelas pertama yang mampu menggunakan pengetahuan dan pengalaman secara proaktif, inovatif dan responsif serta mahir dalam bidang pengurusan berkaitan hal-ehwal wakaf, zakat, mal dan haji merupakan satu cabaran JAWHAR dalam menyumbang keterbilangan negara dan umat Islam seluruhnya. JAWHAR bercita-cita besar untuk menjadikan Malaysia sebagai hab keterbilangan di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji yang akan menjadi model kepada dunia Islam seluruhnya.



## **Bab 2**

# **Projek JAWHAR 2020<sup>©</sup>**



*"Di samping itu, kita akan membangunkan sumber modal bumiputera, seperti tanah dan harta wakaf di bawah tanggungjawab pihak berkuasa agama Islam negeri. Pihak berkuasa agama Islam negeri perlulah mengambil tanggungjawab fardu kifayah, berperanan aktif membangunkan ekonomi umat Islam dan membantu usaha pembangunan insan"*

*- Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri Malaysia*

# Projek JAWHAR 2020 ©

## PENGENALAN

Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 telah menyaksikan JAWHAR telah berkongsi cita-cita dengan seluruh umat Islam di negara ini untuk memacu pembangunan tadbir urus terbaik dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji. Cita-cita murni untuk membantu pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji supaya menjadi lebih efisien diterjemahkan di dalam perancangan strategik untuk menjadi sebuah institusi yang unggul di dalam kelasnya tersendiri pada tahun 2020 dan seterusnya.

## PROJEK JAWHAR 2020 ©

Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) merupakan rangka kerja awalan yang bermatlamat untuk menjadikan JAWHAR sebagai sebuah jabatan Kerajaan bertaraf dunia. Satu singkatan nama dalam Bahasa Arab 'JAWHAR' telah dijadikan simbol jabatan di mana ianya merupakan sasaran akhir destinasi pelan tersebut apabila ia direalisasikan.

Perkataan 'JAWHAR' berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud permata yang berharga dan tinggi nilainya. Oleh yang demikian, pemilihan perkataan 'JAWHAR' sebagai nama projek khas JAWHAR adalah tepat kerana ia merupakan suatu impian bersama (*shared vision*) setiap warga kerjanya untuk berusaha bersungguh-sungguh menjana kegemilangan dan keterbilangan jabatan di persada dunia.

JAWHAR melambangkan simbol sebuah jabatan terunggul serta merupakan kaedah yang tepat dan amat berharga seperti sebutir permata yang amat bernilai. Manakala natijahnya pula merupakan hasil dari pelaksanaan kaedah tersebut ke arah pencapaian aspirasi murni yang akan dizahirkan sebagaimana ketekunan untuk mendapatkan sebutir permata yang bermutu tinggi.

Perkataan 'JAWHAR' juga sesuai dengan aspirasi JAWHAR untuk menghasilkan *outcome* bermutu tinggi umpama sebutir permata yang amat bernilai, yakni suatu manifestasi keunggulan sebuah jabatan Kerajaan bertaraf dunia.


Selain itu perkataan JAWHAR amat sesuai dijadikan akronim kepada nama jabatan. **JA** ialah singkatan bagi perkataan **Jabatan**, huruf **W** mewakili **Wakaf** dan huruf **H** mewakili **Haji**. Zakat dan Mal diwakili oleh **HAR** yang disingkatkan daripada perkataan **Harta** iaitu asas kepada pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

Manakala pengertian JAWHAR yang terakhir adalah melambangkan setiap warga kerja jabatan yang komited untuk melaksanakan tanggungjawab, tidak lain tidak bukan, adalah kerana agama, bangsa dan negara. Warga kerja JAWHAR merupakan satu aset yang amat berharga dan merupakan permata-permata terpilih yang sentiasa digilap dengan kegemilangan dan seterusnya keterbilangan ditekad oleh pengharapan dan aspirasi untuk menabur jasa kepada agama, bangsa dan negara sewajarnya. Kesimpulannya, perkataan JAWHAR dan hubungkait pengertiannya dapat digambarkan menerusi **Rajah 2.1**.

## IMPIAN PROJEK JAWHAR 2020 ©

Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) adalah merupakan fasa pertama dan merupakan langkah terpenting di dalam merangka wawasan dan matlamat yang akan dicapai pada tahun 2020 dan seterusnya. Apa yang pasti adalah langkah-langkah awal ini akan mencetus dan membawa hala

**Rajah 2.1 : Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)**



tuju JAWHAR ke satu destinasi untuk menjadi sebuah jabatan Kerajaan terunggul yang memacu keterbilangan di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji. Pada tahun 2011, perjalanan dan peranan JAWHAR akan menyerlah di dalam tindakannya sebagai pemberi khidmat kepada institusi sedia ada dengan memudah cara, membantu, menyelaras dan melengkapkan usaha ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji.

Dengan erti kata lain, JAWHAR telah berjaya menyediakan satu platform untuk menyatukan hasrat seluruh umat Islam dengan memacu sosio-ekonomi ummah melalui bidang-bidang teras dan tidak terkecuali kemampuan JAWHAR juga dibuktikan dengan melahirkan cendekiawan di dalam bidang-bidang tersebut. Ia selaras dan bertepatan dengan teras strategik yang kedua dan ketiga iaitu menitikberatkan pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten dan berprestasi tinggi melalui latihan dan pembangunan ilmu pengetahuan yang menjadi keutamaan ke arah kecemerlangan di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji. Selain itu, pada penghujung tempoh tersebut, terdapat kerancakan projek-projek fizikal di dalam bidang wakaf, zakat dan mal. Pengembangan dan kemajuan fizikal di dalam bidang tersebut mula dibuktikan serta telah berjaya menarik minat golongan hartawan Muslim untuk bersama-sama menyalurkan sumbangan dan dana untuk tujuan tersebut. Di dalam masa yang sama undang-undang berkaitan dan kaedah-kaedah yang diguna pakai telah mula diseragamkan dan dinamik. Fasa pertama ini memerlukan fasa-fasa berikutnya untuk melengkapkan hasrat dan impian yang telah ditekadkan. Fasa kedua dan ketiga merupakan fasa pelaksanaan dan pemantauan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

Umpamanya pada tahun 2020 nanti hasrat untuk menyaksikan dana wakaf yang mampu melahirkan suatu bentuk sistem pendidikan mantap sehingga peringkat tertinggi akan tercapai. Pada masa ini pendidikan memerlukan kos yang tinggi. Kos tersebut akan terus meningkat dari masa ke semasa. Ini mungkin akan membentuk jurang yang semakin luas di antara si kaya dan si miskin. Akhirnya kecerdikan dan kepandaian akan dilenyapkan oleh kemiskinan yang sudah tentunya amat merugikan umat Islam dan negara. Sehubungan itu, dana wakaf yang dimaksudkan

akan membantu golongan tersebut dengan membiayai pendidikan yang mungkin akan disediakan dengan percuma serta mampu melahirkan tenaga-tenaga pakar dalam bidang-bidang kritikal yang diperlukan negara. Selain itu, generasi ini juga disediakan biasiswa sekiranya menunjukkan kecemerlangan melalui dana zakat dan seumpamanya yang kemudiannya akan berkhidmat sebagai doktor di hospital-hospital wakaf, jurutera yang membantu menyediakan prasarana di tanah-tanah milik Baitulmal, pekerja-pekerja mahir di hotel-hotel wakaf, guru-guru dan tenaga pakar di sekolah dan universiti milik wakaf. Indahnya pengharapan tersebut akan lebih terserlah setelah segala pelan dan perancangan dilaksanakan oleh warga kerja yang sentiasa komited dan mempunyai aspirasi besar memartabatkan perkhidmatan awam khususnya di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

Setiap kejayaan ulung di dunia ini pastinya bermula dari cetusan sekelumit impian. Persepsi negatif terhadap angan-angan Mat Jenin yang ditarbiahkan dalam minda kita sebenarnya tidak lagi relevan dengan persekitaran semasa yang dihadapi oleh perkhidmatan awam negara. Yang pastinya, setiap penjawat awam wajar mempunyai impian besar seperti Mat Jenin demi untuk menjadikan perkhidmatan awam negara yang ulung dan bertaraf dunia. Dalam konteks inilah setiap warga JAWHAR telah menanamkan wawasan murni bersama menerusi projek JAWHAR 2020® ini. Lanskap serta ciri-ciri warga kerja, organisasi dan pembangunan ummah yang amat diimpikan oleh JAWHAR pada tahun 2020 dan seterusnya adalah seperti **Rajah 2.2**. Ilustrasi impian JAWHAR ini adalah seperti sisipan di muka surat 94.

**Rajah 2.2 : *Outcome yang diimpikan pada tahun 2020 dan seterusnya***



#### WARGA KERJA JAWHAR

- 5 orang Ulul Albab yang bijaksana, tinggi budi pekerti dan tinggi ilmu pengetahuannya.
- 5 orang pakar rujuk yang tersohor di peringkat global.
- Warga kerja contoh dan menjadi rebutan (*JAWHAR's material*).
- Pengurusan Tadbir Urus Tauhidik iaitu penjawat awam yang terbaik setiap masa dan di mana jua.

#### ORGANISASI


- Jabatan terbaik untuk seluruh perkhidmatan awam Malaysia.
- Konsep "*Maktabi Jannati*" (Pejabatku Syurgaku)
- Pusat kecemerlangan dalam *core businesses* di peringkat global.
- Pusat rujukan dunia dalam *core businesses*.

#### NEGARA

- Model pembangunan sosio-ekonomi umat Islam untuk seluruh dunia.
- Penguasaan ekonomi ummah yang signifikan.

## PENUTUP

Cabarau membentuk sebuah organisasi yang berprestasi tinggi, terbaik dan melangkaui kebiasaan bukanlah suatu yang mustahil. Perancangan yang teliti telah dibuat memerlukan komitmen seluruh warga bagi menzahirkannya sebagai suatu yang teristimewa. Kejayaan JAWHAR bukanlah kejayaan sebuah organisasi semata-mata malahan ianya merupakan kejayaan umat Islam seluruhnya.



# **Bab 3**

# **Pelan Strategik JAWHAR**

## **(2007-2011)**



*"Harta Wakaf telah terbukti mampu berfungsi sebagai satu instrumen yang amat berkesan dan membantu perkembangan ekonomi umat Islam."*

- Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia

# Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011)

## PENGENALAN

**"Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah yang pertama."** Bab ini menyorot hubungkait di antara impian besar Projek JAWHAR 2020® dengan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) dan penerbitan buku pelan strategik lima tahun sebagai fasa pertamanya.

## IMPIAN JAWHAR

Impian yang konkret merupakan elemen terpenting pengurusan strategik sesebuah organisasi. Bahkan, Nabi Muhammad S.A.W. telah menunjukkan contoh nyata tentang perihal pentingnya mempunyai impian yang mampu divisualisasikan dan disertai komitmen usaha dan perancangan yang berstrategi.

Imam Ahmad dan Thabarani telah mengeluarkan satu riwayat melalui jalan Hadrat Tamim ad-Daariy R.A. katanya, Bahawa aku telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda, **"Moga-moga urusan (agama) ini akan sampai di mana sampainya malam dan siang, dan semoga Allah tidak membiarkan satu dusun atau kota melainkan Dia telah memasukkannya agama Islam ini menerusi kemuliaan seorang yang mulia, ataupun kehinaan seorang yang hina; sesuatu kemuliaan itu bakal diberikan Allah buat Islam dan para pemeluknya, dan suatu kehinaan itu akan diberikan Allah buat kufur dan penganutnya."** Berkata Tamim ad-Daariy R.A. lagi, **"Hal itu telah terbukti pada kaum ku sendiri. Sesiapa yang telah menerima Islam daripada kalangan mereka, sudah pun mendapat kebaikan, kemuliaan dan penghormatan. Manakala yang terus kafir, mereka telah ditimpah kehinaan, kerendahan dan terpaksa membayar jizyah."** (Majmaa'uz-Zawaa-id 6:14 dan 8:862).

Demikianlah visi yang telah dibawa dan sentiasa bergelora di dalam hati Nabi Muhammad S.A.W. Satu impian yang jelas dan membara; satu impian yang jelas terpahat di dalam visualisasi Baginda. Di dalam riwayat ini, jelas bagaimana Rasulullah S.A.W. senantiasa berkongsi visi ini dengan para Sahabat Baginda, memperingatkan mereka dan memastikan visi strategik perjuangan Baginda ini juga membara di dalam minda mereka.

Melalui Bab 2, telah dinyatakan betapa impian besar JAWHAR dan warganya untuk mencapai visi strategik organisasi yang telah sama-sama dipersetujui iaitu, **"untuk menjadi jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang bertaraf dunia."** Visi ini diterjemahkan dengan lebih jelas dan praktikal melalui Projek JAWHAR 2020®. JAWHAR telah menyusun perancangan bagi merealisasikan impian mega Projek JAWHAR 2020® ini melalui tiga (3) fasa yang meliputi tahun pelaksanaannya pada 2007 – 2011 iaitu pelan Strategik JAWHAR, 2012 – 2016 iaitu Semakan dan Penambahbaikan Berterusan dan 2017 – 2020 iaitu Semakan Projek JAWHAR 2020®. Fasa-fasa ini digambarkan melalui **Rajah 3.1.**

## FASA I : PELAN STRATEGIK JAWHAR (2007-2011)

Bagi menjayakan Projek JAWHAR 2020® ini, premis strategik utama yang telah dipilih ialah merencana dan melaksanakan pelan strategik lima tahun JAWHAR. Pelan lima tahun ini merupakan Fasa I dalam rangka usaha JAWHAR menyempurnakan impian Projek JAWHAR 2020®.

**Rajah 3.1 : Fasa-Fasa Pelaksanaan Projek JAWHAR 2020<sup>©</sup>**



Pendokumentasian pelan lima tahun inilah yang menghasilkan buku Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) ini.

Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) mengandungi pengenalan kepada latar belakang keorganisasian yang mencetuskan usaha bagi membolehkan satu pelan pengurusan strategik bagi JAWHAR dapat diwujudkan. Lontaran dan percambahan idea, mesyuarat, forum dan muzakarah telah digunakan sewajarnya bagi membolehkan perancangan strategik ini mula digariskan hala tuju dan fasa-fasa pelaksanaannya.

Setelah perkara-perkara asas strategik yang menjadi tulang belakang dan jiwa kepada perancangan strategik ini telah ditentukan (lihat Bab 4), maka usaha-usaha pendokumentasian dan pelaksanaannya telah dikenalpasti akan melalui lima fasa penyediaan pelan strategik iaitu:

- (a) Fasa Pembentukan Konsep;
- (b) Fasa Penyediaan Pelan Strategik;
- (c) Fasa Pemurnian dan Pemantapan;
- (d) Fasa Pelaksanaan; dan
- (e) Fasa Penilaian.

Konsep dan pelaksanaan fasa-fasa ini diperjelaskan seperti dalam Bab 4 buku ini.

Bab-bab seterusnya akan memperincikan lagi elemen-elemen terpenting pelan strategik ini seperti:

- 1) Analisis SWOT ke atas JAWHAR;
- 2) Pengenalpastian Lapan (8) Teras Strategik JAWHAR yang meliputi program, objektif, Faktor Kejayaan Utama (KSF) dan Penanda Aras Utama (KPI);
- 3) Jadual Pelaksanaan bagi setiap program; dan
- 4) Mekanisme Institusi bagi memantau pelaksanaan pelan strategik ini.

## **FASA II : SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN**

Dalam fasa ini, penekanan utamanya ialah mengenai semakan berkala ke atas setiap teras strategik serta program supaya penambahbaikan berterusan sentiasa dibuat ke atas pelan Strategik JAWHAR. Sifat sentiasa kehausan dan dahagakan ilmu serta meningkatkan kualiti sistem penyampaian JAWHAR ini adalah selaras dengan kata-kata Saidina Ali r.a “Beruntunglah mereka yang hari ini lebih baik dari hari semalam dan celakalah mereka yang hari ini lebih buruk dari hari semalam”.

## **FASA III : SEMAKAN PROJEK JAWHAR 2020 °**

Dalam fasa ini , fokus gerak kerja utama ialah ke atas pemantauan dan semakan ke arah menilai pencapaian sebenar yang bakal diciptakan seperti mana yang diimpikan dalam Projek JAWHAR 2020 °. Yang pasti ialah hanya jauhari yang betul-betul mengenali manikam di mana warga JAWHAR sendiri yang perlu sentiasa bermuhasabah dan menilai diri sendiri dan pencapaian sebenar yang telah digarap bersama ini. Bak kata pepatah melayu “ yang capek ditongkatkan, yang buta dipimpinkan, yang kurang dipenuhkan”. Justeru itu, di fasa inilah penyelarasan ke atas pencapaian sebenar Projek JAWHAR ° akan disemak secara rapi supaya sasarannya tidak tersasar.

## **PENUTUP**

Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) merupakan gerbang kepada wawasan dan impian yang ingin dicapai oleh JAWHAR pada tahun 2020 nanti yang dinamakan Projek JAWHAR 2020 °. Pelan ini merangkumi idea konkret dan perancangan rapi yang meliputi fasa-fasa penyediaan, analisa SWOT, teras-teras strategik,jadual pelaksanaan dan mekanisme institusi bagi memastikan wawasan melalui Projek JAWHAR 2020 ° menjadi kenyataan.





*"Penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji ini bertujuan untuk memastikan bahawa pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan. Ia juga bermaksud untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang."*

*- Y.B. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri*



# **Bab 4**

## **Penyediaan Strategik JAWHAR (2007-2011)**



# Penyediaan Strategik JAWHAR (2007-2011)

## PENGENALAN

Bab ini menerangkan metodologi atau kaedah yang telah digunakan dalam penyediaan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) dan proses perancangan strategik yang terlibat. Senarai aktiviti serta tarikh-tarikh terlibat juga dinyatakan sewajarnya.

## FASA PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK

Jadual 4.1 berikut adalah senarai aktiviti perancangan Pelan Strategik JAWHAR (2007 -2011) dan juga tarikh aktiviti tersebut diadakan. Aktiviti-aktiviti perancangan ini terbahagi kepada 5 segmen iaitu Fasa Pembentukan Konsep, Fasa Penyediaan Pelan Strategik, Fasa Pemurnian dan Pemantapan, Fasa Pelaksanaan dan Fasa Penilaian.

**Jadual 4.1 : Senarai Aktiviti Perancangan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011)**

AKTIVITI	TARIKH
<b>a) Fasa Pembentukan Konsep</b> i. Perbincangan Awalan ii. Pengumpulan dan Semakan Dokumen (seperti Rangka Kerja 5 Tahun Setiap Bahagian, Sasaran Kerja Tahunan, Ucapan Pelancaran Y.B. Menteri, RMK-9, Islam Hadhari, Misi Nasional dan sebagainya).	14 Jun 2007 14 – 28 Jun 2007
<b>b) Fasa Penyediaan Pelan Strategik</b> i. Bengkel (INTAN, Kemaman) ii. Sintesis dan Penyediaan Laporan Awal	29 Jun – 01 Julai 2007 14 Julai 2007
<b>c) Fasa Pemurnian dan Pemantapan</b> i. Persembahan kepada Pengurusan Tertinggi JAWHAR: a) Kali Pertama b) Kali Kedua c) Kali Ketiga d) Kali Keempat e) Kali Kelima f) Kali Keenam g) Kali Ketujuh h) Kali Kelapan ii. Persembahan kepada Y.B. Menteri di JPM iii. Memuktamadkan Dokumentasi iv. Percetakan Dokumentasi v. Pelancaran Rasmi oleh YB Menteri di JPM	19 Julai 2007 24 Julai 2007 31 Julai 2007 02 Ogos 2007 03 Ogos 2007 17 September 2007 18 September 2007 07 Oktober 2007 21 Ogos 2007 30 Oktober 2007 07 November 2007 30 November 2007
<b>d) Fasa Pelaksanaan</b> i. Mekanisme institusi ii. Semakan dan Penambahbaikan	Mei 2007 – Dis 2011 Berterusan
<b>e) Fasa Penilaian</b>	Jun – Disember 2011

Carta 4.1 berikut pula adalah menggambarkan “*milestones*” fasa-fasa penyediaan dan pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2007 - 2011).

**Rajah 4.1 : Carta Fasa-Fasa Penyediaan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011)**

AKTIVITI	May-2007	Jun 2007	Jul-2007	Aug-2007	Sep-2007	Oct-2007	Nov-2007	Dec-2007	Jan.08-Apr.2011	May-2011	Dec 2011
<b>a) Fasa Pembentukan Konsep</b>											
i. Perbincangan Awalan											
ii. Pengumpulan dan Semakan Dokumen (Rangka Kerja 5 Tahun, Sasaran Kerja Tahunan, Ucapan Pelancaran Y.B. Menteri, RMK-9, Misi Nasional dan sebagainya)											
<b>b) Fasa Penyediaan Pelan Strategik</b>											
i. Bengkel (INTAN, Kemaman)											
ii. Sintesis dan Penyediaan Laporan Awal											
<b>c) Fasa Pemurnian dan Pemantapan</b>											
i. Persembahan kepada Pengurusan Tertinggi: a) Kali Pertama											
b) Kali Kedua											
c) Kali Ketiga											
d) Kali Keempat											
e) Kali Kelima											
f) Kali Keenam											
g) Kali Ketujuh											
h) Kali Kelapan											
ii. Persembahan kepada Y.B. Menteri di JPM											
iii. Memuktamadkan Dokumentasi											
iv. Percetakan Dokumentasi											
v. Pelancaran rasmi oleh Y.B Menteri di JPM.											
<b>d) Fasa Pelaksanaan</b>											
i. Mekanisme institusi											
ii. Semakan dan Penambahbaikan											
<b>e) Fasa Penilaian</b>											

## **KITARAN PELAN STRATEGIK JAWHAR (2007 – 2011)**

Bahagian ini menerangkan rangka kerja proses perancangan strategik dalam merangka Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini. Terdapat 5 fasa utama proses perancangan strategik yang terlibat seperti berikut:

### **a) Analisis Strategik**

Dalam fasa ini, objektif utamanya ialah untuk mengenalpasti keadaan semasa JAWHAR dalam arus persekitaran perdana masa kini. Penemuan daripada pengauditan dalaman ke atas kekuatan serta kelemahan JAWHAR dibuat untuk dipadankan dengan penemuan pengauditan persekitaran luaran ke atas gagasan peluang serta ancaman yang didepani JAWHAR. Justeru itu, pelbagai isu serta matlamat strategik JAWHAR dapat dikenalpasti untuk membantu fasa seterusnya iaitu merangka perancangan strategik JAWHAR.

### **b) Perancangan Strategik**

Hasil daripada fasa analisis strategik di atas, dapat ditentukan prestasi semasa JAWHAR dan hala tuju masa depan yang diingini dengan mengambil kira faktor-faktor luaran yang mempengaruhi prestasi JAWHAR sewajarnya. Dalam fasa ini, aspirasi serta ekspektasi pelbagai "stakeholder" dan pelanggan JAWHAR dianalisa dan dipadankan supaya pelbagai pilihan penyelesaian strategik dapat dikenalpasti dan dipertimbangkan.

### **c) Hala tuju Strategik**

Dalam fasa ini, pengenapastian dan pemurnian terhadap visi, misi dan fungsi JAWHAR dilaksanakan. Adalah amat penting bagi visi JAWHAR ditetapkan dengan jelas supaya misi, fungsi, objektif dan kod etika kerja JAWHAR dapat diselaraskan sewajarnya untuk kekal relevan, membawa perubahan signikan dan seterusnya menyumbangkan nilai tambah yang diharapkan oleh Kerajaan. Sesungguhnya dengan pernyataan visi, misi dan sebagainya yang jelas, gerak kerja serta hala tuju JAWHAR dapat disinergikan sebaik mungkin dengan keupayaan sebenar komponen-komponen organisasinya. Dengan kata lain, pengenapastian teras-teras strategik dalam fasa ini dapat membantu JAWHAR dalam menggarapkan pelbagai tindakbalas, gagasan kod etika kerja, pemacu serta pemudahcara strategik bagi tempoh 2007 hingga 2011 sewajarnya.

### **d) Pelan Tindakan Strategik**

Dalam fasa ini, pelbagai tindakan strategik dikenal pasti demi memastikan JAWHAR akan berupaya untuk kekal fokus dalam merealisasikan kesemua program-program strategiknya mengikut penanda aras utama yang ditetapkan. Penghuraian secara terperinci dalam pelan tindakan strategik ini seperti senarai program atau aktiviti, faktor-faktor kejayaan utama, para pemegang amanah, tempoh masa dan sebagainya amatlah penting supaya ianya dapat dijadikan rujukan utama dalam fasa pelaksanaan, pemantauan dan semakan strategik seterusnya.

### **e) Pemantauan dan Semakan Strategik**

Dalam fasa ini, pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) akan dipantau serta dibuat semakan berkala demi memastikan ianya tidak menjadi sebahagian daripada retorik pengurusan semata-mata. Penubuhan pelbagai mekanisme institusi dalam fasa ini adalah

suatu penzahiran bersungguh-sungguh Pengurusan Tertinggi JAWHAR untuk melaksana Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) sepenuhnya dengan jaya. Pelan ini juga tidak bersifat jumud kerana ianya akan dinilai dan disemak secara berkala dengan mengambil kira persekitaran dan kehendak semasa sewajarnya.

Konsep Rangka Kerja Penyediaan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) dirumuskan dalam **Rajah 4.2** di atas. Pelan Tindakan JAWHAR memerlukan pemantapan struktur organisasi dan rangka kerja yang jitu supaya selaras dengan visi, misi dan teras strategik JAWHAR. Visi, misi dan teras strategik JAWHAR dinilai semula bagi memastikan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Strategi, program dan aktiviti yang dirancang, KPIs yang disasar dan tanggungjawab pemegang amanah adalah elemen-elemen penting dalam pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011). Sehubungan dengan itu, JAWHAR perlu menyesuaikan fungsi yang dilaksanakan supaya lebih efektif dan efisien dengan mengambil kira kekuatan, peluang dan situasi semasa sebagai tunggak kepada hala tuju masa depan dan kaedah menangani ancaman, kelemahan dan ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan sebagai aspirasi perancangan untuk memastikan pelan tindakan sentiasa berada di landasan yang betul ke arah hala tuju yang telah ditetapkan.

Dalam menentukan hala tuju Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011), terdapat 5 fasa perancangan strategik yang telah dikenal pasti seperti **Rajah 4.3**. Fasa yang pertama bertujuan untuk mengenalpasti keadaan semasa JAWHAR dalam arus persekitaran perdana masa kini melalui Analisa Strategik. Hasil daripada analisa strategik tersebut, hala tuju masa depan ditentukan melalui fasa kedua iaitu Perancangan Strategik. Kemudian, fasa ketiga menekankan Hala Tuju Strategik dengan mengenalpasti visi, misi dan fungsi JAWHAR secara jelas melalui pengenalpastian teras-teras strategik JAWHAR. Seterusnya, fasa keempat melibatkan proses mengenal pasti pelbagai tindakan strategik melalui Pelan Tindakan Strategik. Akhirnya, fasa kelima iaitu Pelaksanaan, Pemantauan dan Semakan Strategik memastikan pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011) dapat dilaksanakan dengan jayanya. Fasa-fasa Perancangan Strategik ini akan dinilai dan disemak secara berkala berdasarkan faktor-faktor persekitaran dan kehendak semasa.

**Rajah 4.2 : Konsep Rangka Kerja Penyediaan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011)**



**Rajah 4.3 : Fasa-Fasa Perancangan Strategik**




## KUMPULAN PERBINCANGAN

Pembikinan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini melibatkan keseluruhan warga kerja JAWHAR. Ia dimulai dengan cetusan idea Ketua Pengarah JAWHAR dengan pembentangan taklimat oleh beliau pada 14 Jun 2007 (Mesyuarat Perancangan Strategik Lima Tahun JAWHAR) dan diikuti dengan bengkel khusus selama 3 hari di INTAN Kemaman pada 29 Jun 2007 hingga 1 Julai 2007. Pada bengkel khusus tersebut pelbagai isu dibincangkan secara terperinci untuk menyediakan draf Pelan Strategik JAWHAR. Warga JAWHAR telah dibahagikan kepada 8 kumpulan seperti ditunjukkan dalam **Rajah 4.4** dan dipertanggungjawabkan mengupas aspek-aspek strategik tertentu.

Kemudiannya, beberapa siri perbincangan telah diadakan di JAWHAR bagi tujuan pemurnian draf tersebut. Satu Pasukan Petugas Khas ditubuhkan untuk menyemak dan memuktamadkan Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) sebelum dibentangkan kepada Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Rajah 4.4 : Pembahagian Kumpulan Perbincangan Penyediaan Pelan Strategik JAWHAR (2007-2011)**



## PENUTUP

Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011) yang telah didokumenkan ini merupakan suatu perancangan yang menyeluruh dan telah melalui proses-proses yang dikenal pasti mampu menghasilkan hala tuju yang tepat serta memastikan JAWHAR berada di landasan yang betul untuk mencapai kecemerlangan yang diingini.





# **Bab 5**

## **Analisis & Hala Tuju Strategik (2007-2011)**



*“Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada strategi pengurusan menentukan hala tuju strategik yang jelas. Oleh itu, perancangan pelan strategik merupakan elemen utama untuk terus melangkah ke hadapan dengan teratur serta penuh kejayaan.”*

*- Y. Bhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan  
Ketua Setiausaha Negara*

# Analisis & Hala Tuju Strategik 2007:2011

## PENGENALAN

Dalam melaksanakan perubahan yang signifikan serta memberi nilai tambah agar terus kekal relevan sebagai agensi penyelaras di peringkat persekutuan, JAWHAR perlu bermuhasabah diri untuk mengenalpasti gagasan kekuatan dan kelemahannya. Berdasarkan kepada pemanadan peluang dan ancaman yang dikenal pasti dengan gagasan kekuatan serta kelemahannya, maka hala tuju strategik JAWHAR ditentukan bagi membolehkannya merealisasikan hasrat dan wawasan penubuhannya.

## PERSEKITARAN PERKHIDMATAN AWAM YANG DINAMIK

Pada tahun 1950-an hingga 1970-an, negara khususnya lebih memberikan perhatian terhadap pembangunan sektor pertanian. Strategi yang dilaksanakan agar matlamat ini tercapai antaranya ialah melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan. Di samping itu, bagi merealisasikan sektor ini dapat dibangunkan dengan mantap dan berkesan, Kerajaan telah berusaha gigih meningkatkan mutu perkhidmatan sedia ada.

Pada tahun 1980-an hingga pertengahan 1990-an pula, penumpuan Kerajaan telah beralih ke sektor perindustrian. Dalam memastikan matlamat ini tercapai, Kerajaan telah berperanan sebagai fasilitator dan pengawal bagi tujuan memberikan panduan serta pemantauan kepada sektor perindustrian agar terus berkembang pesat.

Melangkah ke abad 21, penekanan Kerajaan beralih pula kepada aspek k-Ekonomi bagi memastikan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara terus mantap di persada dunia. Pembangunan modal insan (pengurusan sumber manusia) merupakan faktor penting bagi memastikan hasrat ini tercapai menerusi sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.

Pengurusan sumber manusia hari ini menghadapi pelbagai jenis cabaran. Selain daripada ekspektasi dan aspirasi *stakeholders* serta pekerja terhadap pelbagai faktor luaran, sesebuah organisasi perlu menghadapi proses perubahan dalam untuk berjaya dan kekal relevan. Modal insan merupakan sumber yang paling penting dalam menghadapi cabaran zaman milenium. Dalam konteks ini, sesebuah negara perlu sentiasa bersedia dan membangunkan modal insan bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran dengan penuh keyakinan.

Antara cabaran-cabaran yang mempengaruhi sesebuah organisasi adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 5.1**.

Secara langsung, cabaran-cabaran ini akan mempengaruhi sumber dalam utama sesebuah organisasi seperti digambarkan dalam **Rajah 5.2**.

## PERKHIDMATAN AWAM: MENCAPAI KECEMERLANGAN ORGANISASI

Sesebuah organisasi mengalami cabaran yang besar untuk membiasakan diri secara berterusan dalam menghadapi perubahan persekitaran semasa yang dinamik. Begitu juga perkhidmatan awam perlu bertindak balas secara bijaksana terhadap perubahan ini dengan memilih polisi yang pragmatik dan berkesan dalam meningkatkan keberkesanan sistem penyampaiannya.

**Rajah 5.1 : Cabaran-Cabaran Di Dalam Organisasi**




**Rajah 5.2 : Impak Kepada Sumber Dalaman Organisasi**



Perkhidmatan awam hari ini lebih menjurus kepada memperuntukkan ruang dan peluang terhadap penyertaan awam, sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti, tadbir urus yang baik dan persekitaran yang kondusif untuk perkembangan perdagangan dan ekonomi yang mapan.

Dalam usaha untuk bergerak seiringan dengan perubahan semasa, perkhidmatan awam perlu menyediakan gagasan tadbir urus terbaik untuk menyokong pembangunan negara dan membolehkan perkhidmatan awam kekal relevan selaras dengan ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan. Antara elemen yang perlu ada dalam perkhidmatan awam yang berkesan adalah seperti ditunjukkan dalam **Rajah 5.3**.

**Rajah 5.3 : Elemen Yang Diperlukan Oleh Perkhidmatan Awam**



## PENGAUDITAN SITUASI SEMASA JAWHAR

Perancangan strategik merupakan satu kaedah untuk mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang akan memberikan impak terhadap prestasi sesebuah organisasi. Sesebuah organisasi yang berjaya dan berdaya maju haruslah mempunyai keupayaan untuk mengetengahkan kekuatan dalamnya serta menjelaskan peluang yang ada sebagai suatu kelebihan untuk terus berjaya. Selain itu, ia juga mampu mengenepikan kelemahan dan ancaman yang mungkin menyebabkan organisasi tersebut sukar untuk berjaya.

Kesedaran dan kerjasama di kalangan warga kerja juga memberikan impak yang besar di dalam menentukan hala tuju sesebuah organisasi. Sebagai sebuah organisasi di peringkat persekutuan, JAWHAR tidak terkecuali untuk memanfaatkan segala sumber yang ada secara optimum bagi mencapai visi, misi dan fungsinya untuk menjadi sebuah organisasi terunggul bertaraf dunia.

Justeru itu, JAWHAR sentiasa positif dan bersedia untuk memartabatkan institusi wakaf, zakat, mal dan haji bagi memacu kegemilangan dan keterbilangan ummah seluruhnya. Keadaan inilah yang mendorong JAWHAR memfokuskan kepada elemen-elemen strategik terpilih (diaplikasikan daripada Rangka Kerja 7-S McKinsey) dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Elemen yang dimaksudkan dan prestasi status semasanya adalah seperti **Jadual 5.1**.

**Jadual 5.1 : Prestasi Status Semasa JAWHAR**


ELEMEN	EKSPEKTASI & CABARAN	STATUS SEMASA JAWHAR
1. Kursus / Latihan ( <i>Skills</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perkongsian maklumat dan ilmu</li> <li>- Perolehan nilai tambah</li> <li>- Peningkatan pengetahuan dan kemahiran</li> </ul>	**
2. Penyelidikan dan Pembangunan ( <i>Systems</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kepakaran dalaman yang tinggi</li> <li>- Peruntukan kewangan yang mencukupi</li> <li>- Penerapan budaya <i>applied R&amp;D</i></li> </ul>	**
3. Kepakaran ( <i>Skills</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelan latihan yang komprehensif</li> <li>- Pemudahcara kepada MAIN</li> <li>- Ulul Albab dan pakar rujuk tersohor</li> </ul>	**
4. Penerbitan dan Pentarbiahan/ Pendidikan ( <i>Systems</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyampaikan maklumat / tadbir urus terbaik</li> <li>- Edaran kepada institusi tertentu</li> <li>- Rujukan utama berkaitan bidang teras</li> </ul>	**
5. Sumber Manusia ( <i>Staff</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Warga kerja berprestasi tinggi dan kompeten</li> <li>- Pembangunan modal insan yang holistik</li> <li>- Pengisian jawatan-jawatan kritikal</li> </ul>	**
6. Kepimpinan ( <i>Style</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keperibadian warga kerja dan jabatan yang terpuji</li> <li>- Memacu kecemerlangan jabatan</li> <li>- Bermotivasi tinggi dan berwawasan</li> </ul>	**
7. Kemudahan Prasarana Pejabat ( <i>Structure</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Struktur dan suasana pejabat yang kondusif</li> <li>- Pusat Sumber yang komprehensif</li> <li>- Kelengkapan ICT yang terkini</li> </ul>	***
8. Penjenamaan Jabatan ( <i>Strategy</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menonjolkan imej jabatan di mata umum</li> <li>- Mempunyai ciri-ciri keterbilangan</li> <li>- Pusat rujukan di peringkat global</li> </ul>	**
9. Wawasan ( <i>Shared Vision</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai wawasan yang fokus dan jelas</li> <li>- Menjadi yang terbilang dalam kalangan terbilang</li> <li>- Penghayatan yang menyeluruh</li> </ul>	**

Petunjuk Status Semasa JAWHAR:

- \* Tiada
- \*\* Minimum
- \*\*\* Sederhana
- \*\*\*\* Baik
- \*\*\*\*\* Cemerlang

Analisa SWOT telah digunakan di dalam mengenalpasti hala tuju strategik JAWHAR. Kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman yang dikenalpasti telah dibincangkan secara terperinci bagi membentuk satu pelan tindakan yang menyeluruh. Hasil perbincangan dan Analisa SWOT terhadap JAWHAR adalah seperti **Rajah 5.4**.

**Rajah 5.4 : Analisa SWOT Terhadap JAWHAR**



## PENUTUP

Bagi mencapai tahap perkhidmatan awam yang bertaraf dunia, semua pihak perlu saling bekerjasama. Dalam merealisasikan matlamat sebagai sebuah jabatan Kerajaan terunggul menjelang 2020, kekuatan, kelemahan, peluang serta ancaman JAWHAR perlu dicerakinkan dengan bijaksana bagi menghasilkan satu pelan tindakan yang holistik dan praktikal.



# **Bab 6**

## **Teras Srategik JAWHAR (2007-2011)**



# Teras Strategik JAWHAR (2007-2011)

## PENGENALAN

Bab ini menerangkan secara terperinci mengenai visi, misi dan fungsi JAWHAR yang telah dibuat penambahbaikan. Seterusnya,uraian terperinci bagi setiap teras strategik JAWHAR sepanjang lima tahun (2007-2011) juga diberikan. Bagi setiap teras strategik JAWHAR ini, senarai program spesifik, penentu kejayaan utama, tempoh masa terlibat, pemegang amanah dan penanda aras utama juga telah dikenal pasti bagi melicinkan pelaksanaannya.

## TERAS STRATEGIK JAWHAR

JAWHAR telah mengenalpasti lapan (8) teras strategik yang menjadi nadi perkembangan dan kemajuannya pada masa hadapan. Lapan teras strategik tersebut dicerakinkan dengan mengambil kira keseluruhan kekuatan JAWHAR. Ini bermaksud kejayaan JAWHAR menjadi sebuah jabatan yang unggul bukanlah kejayaan segolongan tertentu bahkan merupakan kejayaan keseluruhan warga JAWHAR. Selain itu, teras strategik JAWHAR sangat menitikberatkan kepada pembentukan modal insan yang teristimewa selaras dengan pengharapan membentuk kemajuan Malaysia dengan acuan ketimuran serta ditunjangi jati diri keislaman yang luhur. Manakala aspek yang sentiasa dititikberatkan dalam pembentukan teras strategik ini ialah membantu institusi sedia ada dalam memberi dan menyediakan perkhidmatan bidang wakaf, zakat, mal dan haji untuk manfaat ummah seluruhnya.


Selaras dengan hasrat menjadi sebuah jabatan Kerajaan yang terunggul dalam memacu kemajuan ummah, JAWHAR perlu menggariskan teras-teras strategiknya dengan jelas bagi memantapkan hala tuju masa depannya. Secara ringkasnya, Lapan Teras Strategik JAWHAR adalah seperti **Jadual 6.1** dan **Rajah 6.1**.

**Jadual 6.1 : Lapan Teras Strategik JAWHAR dan Rasionalnya**

TERAS STRATEGIK	RASIONAL
<b>1. Pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah.</b>	JAWHAR akan bertindak selaku fasilitator kepada institusi sedia ada dengan memudahcara, membantu, menyelaras dan melengkapkan usaha-usaha ke arah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji di dalam memacu sosio-ekonomi ummah.
<b>2. Pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten, berprestasi tinggi dan tauhidik.</b>	Latihan adalah merupakan satu pendekatan yang amat dititikberatkan untuk melahirkan warga kerja yang berprestasi tinggi. Warga kerja yang kompeten serta tauhidik adalah nadi yang akan menjana keterbilangan JAWHAR.

TERAS STRATEGIK	RASIONAL
<b>3. Pembangunan pusat rujukan utama dalam penyelarasan dan penyeragaman undang-undang wakaf, zakat dan mal di Malaysia.</b>	Pembangunan tadbir urus terbaik merupakan aspek yang menjadi keutamaan di JAWHAR dalam usaha mencipta hab kecemerlangan dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji.
<b>4. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengauditan dalaman yang konstruktif dan efektif.</b>	Amalan membetulkan yang lazim dan melazimi amalan yang betul sentiasa dihayati dan ditambahbaik dengan pengauditan dalaman yang berkala.
<b>5. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi penyelidikan dan penyelarasan yang memanfaatkan ummah.</b>	Era globalisasi memerlukan setiap warga JAWHAR yang kreatif, inovatif dan proaktif serta mampu mengenangkan idea baru untuk kepentingan seluruh ummah.
<b>6. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan teknologi maklumat yang memacu keterbilangan kualiti penyampaian perkhidmatan.</b>	Keperluan terhadap teknologi maklumat yang terkini merupakan satu kemestian untuk memperkasakan pengetahuan ICT di kalangan warga JAWHAR, menyediakan bank data berkaitan bidang wakaf, zakat, mal dan haji dan laman web yang informatif.
<b>7. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang responsif dan berintegriti.</b>	JAWHAR sentiasa bersedia dengan data sumber manusia yang terkini, sistem pentadbiran yang cekap serta program latihan yang komprehensif bagi perkembangan kerjaya warganya.
<b>8. Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan kewangan yang betul dan teratur.</b>	JAWHAR sentiasa mengekalkan kecemerlangan pengurusan kewangan dengan pemantauan yang rapi dan memastikan setiap tindakan yang diambil menepati setiap arahan yang dikeluarkan. Amalan ini dibudayakan dan tiada kompromi dalam aspek ini.

**Rajah 6.1 :Gagasan Teras Strategik JAWHAR (2007 - 2011)**



## **PENANDA ARAS UTAMA (2007 - 2011)**

Teras-teras strategik yang telah dikenalpasti ini disokong oleh program-program yang dirancang dan diperincikan oleh penanda-penanda aras utama yang telah ditetapkan.

### **TERAS STRATEGIK 1: Pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program pengumpulan maklumat dan data harta wakaf, zakat dan mal.	10 lawatan kerja dilaksanakan.
2. Program pengumpulan maklumat pengurusan haji dan umrah yang kemaskini.	Penyediaan maklum balas kepada Y.B. Menteri disediakan secara serta-merta.
3. Program Pembangunan Tanah Wakaf.	4 projek sosial dan 20 projek fizikal dibangunkan mengikut jadual dalam RM ke-9.
4. Program penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).	20 projek ekonomi wakaf diuruskan.
5. Program pembangunan sistem E -Wakaf.	Sistem mampu beroperasi sepenuhnya pada 2009.
6. Program penyelarasan Nisab Zakat.	Kajian dan laporan disiapkan pada 2009.
7. Program pengurusan aduan haji dan umrah.	Membantu setiap aduan diselesaikan mengikut waktu yang ditetapkan.
8. Program perkongsian ilmu di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 20 bengkel dilaksanakan.</li> <li>• 80 kertas kerja dibentangkan.</li> </ul>
9. Program latihan pengurusan wakaf, zakat dan mal.	8 program latihan dilaksanakan.
10. Program pembentukan Model Enakmen Wakaf, Zakat dan Mal yang seragam.	Model Enakmen disiapkan pada 2008.
11. Program pendidikan Wakaf, Zakat dan Mal.	15 program kesedaran/pendidikan dilancarkan.
12. Program penerbitan Tadbir Urus Terbaik Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah.	20 Manual Pengurusan diterbitkan.
13. Program kajian dan penyelidikan di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.	8 kajian dijalankan.
14. Program jalinan kerjasama antarabangsa dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.	3 projek kerjasama antarabangsa dapat dijalankan.
15. Program pemantauan pengurusan haji di Tanah Suci.	Laporan kajian dikemukakan kepada Y.B. Menteri bagi setiap musim haji.

**TERAS STRATEGIK 2: Pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten, berprestasi tinggi dan tauhidik.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program pembangunan modal insan.	15 kursus/bengkel peringkat JAWHAR dilaksanakan.
2. Program pembudayaan kerja berprestasi tinggi.	Seluruh warga kerja yang berkebolehan dan mantap.
3. Program pembudayaan integriti.	20 kursus dapat dihadiri dan menghasilkan kes disiplin sifar.
4. Program latihan yang komprehensif.	Pelan latihan tahunan disediakan sebelum Mac dan dipantau sepanjang masa.
5. Program motivasi.	Warga kerja mendapat anugerah dan kenaikan pangkat.
6. Program kaunseling.	Pasukan Rakan Pembimbing ditubuhkan dan beroperasi sepenuhnya.

**TERAS STRATEGIK 3: Pembangunan pusat rujukan utama dalam penyelarasan dan penyeragaman undang-undang wakaf, zakat dan mal di Malaysia.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program penyelarasan Akta dan Enakmen Subsidiari.	4 Akta/Enakmen diselaraskan.
2. Program pendokumentasian perundangan pembangunan institusi wakaf, zakat dan mal.	Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Lembaga Zakat Antarabangsa (LZA) dan Dewan Zakat MABIMS (DZM) ditubuhkan mengikut jadual.
3. Program perkongsian pintar perundangan dalam dan luar negara.	4 program perkongsian pintar perundangan dilaksanakan.
4. Program penggubalan model undang-undang wakaf, zakat dan mal.	4 Rang Undang-undang dibentuk.

**TERAS STRATEGIK 4: Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengauditan dalaman yang konstruktif dan efektif.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program pengauditan pengurusan organisasi dan kewangan.	10 pengauditan dijalankan.
2. Program pematuhan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004.	5 pengauditan dijalankan.
3. Program pengauditan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).	8 pengauditan dijalankan.
4. Program pengauditan pemakaian Siri Manual Pengurusan JAWHAR oleh MAIN.	16 pengauditan dijalankan.
5. Program pengauditan projek pembangunan wakaf RMK-9.	12 pengauditan projek dijalankan.
6. Program pengauditan aktiviti Gerakan Pemantapan Baitulmal.	5 pengauditan dijalankan.

**TERAS STRATEGIK 5: Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi penyelidikan dan penyelarasan yang memanfaatkan ummah.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program penyelarasan Jawatankuasa Baitulmal Kebangsaan.	Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Induk bersidang masing-masingnya sebanyak 10 kali.
2. Program pensijilan MS ISO 9001:2000	JAWHAR mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2008.
3. Program jalinan kerjasama pintar dengan pusat-pusat kecemerlangan global.	10 MoU ditandatangani bersama pusat-pusat kecemerlangan.
4. Program penerbitan.	10 Jurnal pengurusan JAWHAR, 20 Buletin JAWHAR, 20 Siri Manual Pengurusan JAWHAR dan Siri Koleksi Teks Khutbah diterbitkan.
5. Program penyelidikan JAWHAR.	8 kajian dihasilkan.
6. Program pemantapan bank data wakaf, zakat, mal dan haji.	Bank data diwujudkan pada Disember 2007 dan dikemaskinikan setiap suku tahun.

**TERAS STRATEGIK 6: Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan teknologi maklumat yang memacu keterbilangan kualiti penyampaian perkhidmatan.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program penyediaan prasarana, sistem dan kelengkapan ICT yang efektif.	Jurang Digital sifar bagi seluruh warga kerja JAWHAR
2. Program khidmat sokongan teknikal ICT yang cekap.	Menangani aduan serta-merta dan diselesaikan dalam masa yang telah ditetapkan.
3. Program pembangunan sistem sokongan dalaman dan luaran.	4 sistem dibangunkan.
4. Program latihan aplikasi sistem ICT yang komprehensif dan terkini.	Warga JAWHAR mendapat latihan sepenuhnya dan jurang digital sifar.
5. Program pembangunan Pusat Sumber Digital.	5 teks dibangunkan setahun dan 10 program promosi dijalankan.
6. Program pembangunan Laman Web JAWHAR.	Laman web dikemaskini setiap hari bekerja.

**TERAS STRATEGIK 7: Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan sumber manusia dan pentadbiran yang responsif dan berintegriti.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program penjenamaan.	10 program penyertaan JAWHAR dijalankan.
2. Program pengurusan maklumat sumber manusia.	Maklumat personel warga kerja JAWHAR yang tepat dan terkini dihasilkan.
3. Program Sistem Keselamatan.	Pencerobohan sistem, dokumen dan premis pejabat sifar.
4. Program pemantapan pengurusan perolehan bekalan dan perkhidmatan.	Pematuhan sepenuhnya kepada tatacara dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
5. Program pengurusan kebersihan dan keceriaan.	Aduan berkaitan kebersihan sifar.
6. Program kesihatan warga kerja.	Warga kerja JAWHAR sihat sejahtera fizikal dan mental.
7. Program peningkatan keupayaan organisasi.	Perjawatan diisi sepenuhnya dengan warga kerja yang berkelayakan dan bersikap positif di setiap Bahagian.

**TERAS STRATEGIK 8: Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengurusan kewangan yang betul dan teratur.**

PROGRAM UTAMA	PENANDA ARAS UTAMA
1. Program pematuhan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2004.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 20 mesyuarat JPKA diadakan.</li> <li>• Teguran sifar oleh Ketua Audit Negara.</li> </ul>
2. Program perancangan bajet tahunan.	Draf bajet JAWHAR disiapkan sebelum April setiap tahun.
3. Program pemantauan prestasi perbelanjaan.	Prestasi perbelanjaan tahunan sekurang-kurangnya 95% dengan varian 5%.
4. Program pembayaran bil.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran bil diselesaikan dalam tempoh 14 hari.</li> <li>• Kelewatian bayaran sifar.</li> </ul>
5. Program laporan kewangan berkala.	Laporan informatif dan cekap disediakan setiap suku tahun.
6. Program pembangunan Pelan Pembangunan Risiko Strategik.	Gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sifar.

## **PENUTUP**

Gagasan Teras Strategik JAWHAR (2007 – 2011) ini adalah salah satu aspek penting untuk kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan JAWHAR. Seluruh warga kerja JAWHAR dituntut untuk memainkan peranan masing-masing dalam setiap gagasan teras strategik ini demi kelancaran pelaksanaan pelan tindakannya untuk mencapai hasrat Projek JAWHAR 2020 © sewajarnya.





# **Bab 7**

# **Pelan Tindakan Srategik**



# Pelan Tindakan Strategik

## PENDAHULUAN

Bab ini akan membentangkan dengan lebih terperinci setiap teras strategik JAWHAR dengan menyedia dan menyatakan objektif, faktor kejayaan utama, tempoh, pemegang amanah dan penanda aras utama dengan lebih jelas.

## PELAN TINDAKAN STRATEGIK

Pelan Tindakan yang komprehensif perlu dikenalpasti bagi menyokong pencapaian hala tuju Pelan Strategik JAWHAR (2007 – 2011). Aspek-aspek utama telah dikenal pasti sebagai parameter yang perlu difokuskan dalam pelaksanaan Pelan Strategik JAWHAR (2007 - 2011) ini seperti berikut:

- Penyelarasan
- Pembangunan institusi
- Perkongsian ilmu / latihan / pembangunan modal insan
- Perundangan
- Pendidikan dan penerbitan
- Kajian dan penyelidikan
- Perantarabangsaan.

## PELAN TINDAKAN TERPERINCI BAGI SETIAP TERAS STRATEGIK JAWHAR (2007-2011)

### TERAS STRATEGIK 1: “Pengukuhan Institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji selaras dengan syariah demi peningkatan taraf sosio-ekonomi ummah”

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators- KPIs)
				MULA	AKHIR		
1.	Program pengumpulan maklumat dan data (harta wakaf, zakat dan mal di seluruh negara).	Menghasilkan pengkalan data harta wakaf, zakat dan mal di Malaysia.	i. Kerjasama MAIN dan agensi-agensi berkaitan. ii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengarah Wakaf</li><li>• Pengarah Zakat</li><li>• Pengarah Mal</li><li>• Pengarah Teknologi Maklumat</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>i. 10 Lawatan Kerja.</li><li>ii. Laporan Berkala dikemukakan kepada stakeholders yang memerlukan.</li></ul>
2.	Program pengumpulan maklumat pengurusan haji dan umrah.	i. Menghasilkan cadangan penambahbaikan sistem pengurusan haji dan umrah.	i. Kerjasama dan komitmen LTH dan agensi berkaitan.	2007	2011	Pengarah Haji	100% dapat membantu penyediaan maklumbalas kepada Y.B. Menteri dengan serta merta.

bersambung...

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators- KPIs)
				MULA	AKHIR		
		ii. Mewujudkan satu bank data yang kemaskini serta komprehensif.	ii. Peruntukan Kewangan				
3.	Program Pembangunan Tanah Wakaf RMK-9: 2007 – 3 projek 2008–14 projek	i. Membangun dan memajukan tanah wakaf. ii. Meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam.	i. Peruntukan RMK-9 sebanyak RM 250 juta. ii. Kerjasama MAIN dan agensi pelaksana. iii. Perancangan dan pemantauan yang berkesan.	2007	2011	PengarahWakaf	20 projek pembangunan fizikal di atas tanah-tanah wakaf telah siap dilaksanakan dalam RMK 9 mengikut jadual yang ditetapkan.
4.	Program penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).	i. Memastikan YMW berfungsi sebagai badan pelaburan yang dapat memacu sosio-ekonomi ummah melalui pembangunan harta wakaf.  ii. Mewujudkan Kumpulan Wang Amanah YWM.	i. Lembaga Pemegang Amanah dan pengurusan yang cekap. ii. Kerjasama dan komitmen MAIN dan agensi. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	PengarahWakaf	i. Menguruskan 20 projek ekonomi wakaf yang siap.  ii. Pertumbuhan dana pada kadar minimum 10 setahun.
5.	Program pembangunan i stem - Wakaf.	Menyediakan satu sistem rekod tanah dan harta wakaf seluruh negara.	i. Kerjasama dan kesediaan MAIN memberikan maklumat. ii. Keupayaan membangunkan sistem yang komprehensif. iii. Peruntukan kewangan.	2008	2009	Pengarah Wakaf Pengarah Teknologi Maklumat	i stem dapat digunakan sepenuhnya pada 2009.

bersambung...

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators- KPIs)
				MULA	AKHIR		
6.	Program Penyelarasan Nisab Zakat.	Menghasilkan model/pengiraan kadar nisab zakat sebagai sumber rujukan dan asas keseragaman.	i. Kerjasama dan komitmen MAIN. ii. Kepakaran untuk membuat kajian. iii. Peruntukan kewangan	2008	2009	• Pengarah Zakat • Pengarah P&P	i. Kajian siap pada 2009. ii. Hasil kajian dibentangkan dalam Mesyuarat JKPBK.
7.	Program pengurusan aduan haji dan umrah.	i. Meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. ii. Mewujudkan satu bank data yang komprehensif mengenai aduan haji dan umrah.	i. Sistem pengurusan aduan yang berkesan. ii. Khidmat sokongan ICT yang efektif dan berkesan. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah Haji • Pengarah Teknologi Maklumat	i. Maklum balas pertama dalam masa 24 jam. ii. 50% aduan dapat diselesaikan dalam masa 14 hari. iii. 95% aduan dapat diselesaikan dalam tempoh 30 hari.
8.	Program perkongsian ilmu pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji dengan MAIN, SMZ, LTH, IPT dan agensi lain.	Meningkatkan ilmu dan kualiti pengurusan institusi wakaf, zakat, mal dan urusan haji/umrah.	i. Kerjasama dan komitmen MAIN, SMZ, LTH dan pusat-pusat kecemerlangan. ii. Perkongsian maklumat. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah Wakaf • Pengarah Zakat • Pengarah Mal • Pengarah Haji • Pengarah P&P	i. 1 bengkel setahun bagi setiap core business. ii. Minimum 4 kertas kerja setiap bengkel. iii. Menerbitkan prosiding / kertas kerja bagi setiap bengkel yang diadakan.
9.	Program latihan pengurusan wakaf, zakat dan mal.	Meningkatkan kemahiran pengurusan dan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan JAWHAR dan MAIN dalam core business.	i. Penyediaan modul latihan yang bersesuaian dengan tahap kemahiran. ii. Kerjasama dan komitmen MAIN dan pusat-pusat kecemerlangan. iii. Peruntukan kewangan	2008	2011	• Pengarah Wakaf • Pengarah Zakat • Pengarah Mal	2 program latihan setahun diadakan.

bersambung...

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA ( <i>key success factors -KSFs</i> )	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA ( <i>key performance indicators-KPIs</i> )
				MULA	AKHIR		
10.	Program pembentukan Model Akta/Enakmen Wakaf, Zakat dan Mal yang seragam.	i. Menyedia-kan Akta/ Enakmen yang seragam, teratur dan komprehen-sif. ii. Menghasil-kan model law sebagai garis panduan untuk digunakan di negeri-negeri.	i. Kerjasama dan komitmen MAIN dan agensi berkaitan. ii. Sokongan Kerajaan Negeri. Peruntukan kewangan. iii.	2007	2008	• Pengarah Wakaf • Pengarah Zakat • Pengarah Mal • Penasihat Undang-Undang	Model Akta/ Enakmen disiapkan pada 2008.
11.	Program Pendidikan Wakaf, Zakat dan Mal.	i. Meningkatkan kesedaran tanggungjawab berwakaf, zakat dan mal. ii. Mendidik umat Islam mengenai tanggung jawab berwakaf, berzakat, urusan mal dan haji.	i. Promosi yang berkesan. ii. Komitmen dan sokongan MAIN. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah Wakaf • Pengarah Zakat • Pengarah Mal • Pengarah P&P	3 program kesedaran / pendidikan setiap tahun.
12.	Program penerbitan Tadbir Urus Terbaik Pengurusan Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah.	Mewujudkan sistem tadbir urus terbaik yang seragam sebagai garis panduan dan rujukan MAIN serta pengelola Haji/Umrah.	i. Kerjasama dan komitmen MAIN. ii. Peruntukan kewangan yang mencukupi. Pemilihan isu-isu relevan dan mempunyai nilai tambah. iii.	2007	2011	• Pengarah Wakaf • Pengarah Zakat • Pengarah Mal • Pengarah Haji • Pengarah P&P	1 Manual Pengurusan setahun.
13.	Program kajian dan penyelidikan gunaan( <i>Applied R&amp;D</i> ) dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.	i. Mengenal-pasti tanah-tanah wakaf yang berpotensi untuk dibangun-kan. ii. Memperku-kuhkan keberkesa-nan institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.	i. Kerjasama MAIN sepenuhnya berkongsi maklumat. Peruntukan kewangan. ii. Pemilihan isu-isu yang strategik. iii. Kepakaran untuk membuat kajian. iv.	2007	2011	• Pengarah Wakaf • Pengarah Zakat • Pengarah Mal • Pengarah Haji • Pengarah P&P • Penasihat Undang-Undang	1 kajian setahun bagi setiap core business JAWHAR.

bersambung...

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators-KPIs)
				MULA	AKHIR		
		iii. Memastikan khazanah Islam dapat dibangunkan secara terancang dan efektif. iv. Berusaha mencadangkan penyelesaian ke atas isu-isu kontemporari berkaitan Harta Sumber Am.	v. Penyelara - san undang - undang lain yang berkaitan.				
14.	Program jalinan kerjasama Antarabangsa dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji/umrah.  Contohnya Zakat: a) Penubuhan Dewan Zakat MABIMS. b) Penubuhan Lembaga Zakat Antara-bangsa (LZA).	i. Pembangunan fizikal institusi wakaf, zakat, mal dan haji/umrah. ii. Perkongsian pintar dalam pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji/umrah. iii. Mengukuhkan pengurusan institusi zakat serantau dan antara-bangsa.	i. Kerjasama sepenuhnya oleh institusi antara-bangsa. ii. Kerjasama sepenuhnya oleh MAIN. iii. Peruntukan kewangan.	2008	2011	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengarah Wakaf</li> <li>• Pengarah Zakat</li> <li>• Pengarah Mal</li> <li>• Pengarah Haji</li> <li>• Pengarah P&amp;P</li> <li>• Penasihat Undang-Undang</li> </ul>	i. 3 projek kerjasama antarabangsa dapat dilaksanakan.  ii. Dewan Zakat MABIMS ditubuhkan pada 2008.  iii. LZA ditubuhkan pada 2008.
15.	Program pemantauan pengurusan haji di Tanah Suci.	i. Mengenal-pasti isu-isu pelaksanaan dan pengurusan haji. ii. Mengemukakan cadangan penambahbaikan supaya perkhidmatan haji dan umrah bertaraf dunia.	i. Kerjasama LTH dan Kerajaan Arab Saudi. ii. Sistem / kaedah pengumpulan maklumat dan laporan yang berkesan. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengarah Haji</li> <li>• Pengarah P&amp;P</li> </ul>	Laporan kajian dikemukakan kepada Y.B. Menteri dalam tempoh 1 bulan selepas selesai musim haji setiap tahun.

**TERAS STRATEGIK 2: “Pembangunan berterusan warga kerja yang kompeten, berprestasi tinggi dan tauhidik”**

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators–KPIs)
				MULA	AKHIR		
1.	Program Pembangunan Modal Insan yang kompeten dan tauhidik (seperti Modul Latihan Profesional, Modul Latihan Teknikal, Modul Bahasa Inggeris, Modul Pengurusan Islami dan Projek Kecemerlangan Warga Kerja).	i. Peningkatan prestasi dan kompetensi warga JAWHAR. ii. Melahirkan warga kerja yang bermotivasi tinggi dan professional.	i. Kursus, bengkel dan latihan. ii. Kepakaran, ilmu pengetahuan yang tinggi. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah Pengurusan • Pengarah P&P	i. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang mencapai 85% ke atas bagi setiap warga JAWHAR. ii. Minimum 7 hari berkursus bagi setiap warga JAWHAR. iii. Minimum 3 kursus / bengkel peringkat JAWHAR setahun.
2.	Program pembudayaan kerja berprestasi tinggi (seperti Modul Pengurusan Berhemah, Modul Strategic Management Tools dan Modul Latihan Teknikal).	i. Penghayatan etika kerja JAWHAR (HIJRAH). ii. Tenaga kerja terbaik dalam perkhidmatan awam.	i. Kursus, bengkel dan latihan terpilih. ii. Kursus Induksi alaman. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah Pengurusan • Pengarah P&P	i. Setiap warga kerja JAWHAR mengikuti Kursus Induksi alaman. ii. Masalah disiplin sifar. iii. Warga kerja yang serba boleh, profesional, bermotivasi tinggi dan 100% bersikap positif.
3.	Program pembudayaan Integriti JAWHAR.	ntuk melahirkan warga JAWHAR yang profesional dan berintegriti.	i. Kursus, bengkel dan latihan kesedaran. ii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah Pengurusan • Pengarah P&P	i. Minimum kursus, bengkel dan latihan setahun. ii. Kes tatatertib sifar.
.	Program latihan komprehensif untuk warga JAWHAR (seperti Projek Kecemerlangan Ilmu, JAWHAR Intellectual is course, forum Pengurusan Islam, Projek TT, Projek Peningkatan Kemahiran).	i. Mempunyai pelan latihan yang teratur dan menepati keperluan tugas warga JAWHAR. ii. Menyediakan peluang yang saksama kepada seluruh warga kerja JAWHAR.	i. Kerjasama daripada JPM. ii. Kerjasama dengan institusi-institusi latihan Kerajaan. iii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah P&P • Pengarah Pengurusan	i. Apat menyediakan satu pelan latihan tahunan sebelum Mac setiap tahun. ii. Semua warga JAWHAR berjaya menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setiap tahun.

bersambung...

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators-KPIs)
				MULA	AKHIR		
5.	Program motivasi (aktiviti Team Building, Retreat, Hari Keluarga, Anugerah APC dan Pingat Kebesaran, Kenaikan Pangkat dan sebagainya).	Melahirkan tenaga kerja yang bermotivasi tinggi.	i. Kerjasama jitu setiap warga kerja. ii. Peruntukan kewangan. iii. Komitmen dan sokongan Pengurusan Tertinggi.	2007	2011	• Pengurusan Tertinggi • Pengarah Pengurusan • Pengar ah P&P	Bilangan anugerah dan kenaikan pangkat yang sepadan kepada setiap warga kerja yang layak.
6.	Program - kaunseling (Syura, bermusyawah, mentor /mentee, Coaching).	Melahirkan tenaga kerja yang bekerjasama dan bekerja sebagai satu pasukan.	i. Kerjasama kaunselor terlatih. ii. Peruntukan kewangan.	2007	2011	• Pengarah P&P • Pengarah Pengurusan	Pasukan Rakan Pembimbing tersendiri.

**TERAS STRATEGIK 3: “Pembangunan pusat rujukan utama dalam penyelarasan dan penyeragaman undang-undang wakaf, zakat dan mal di Malaysia”**

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators-KPIs)
				MULA	AKHIR		
1.	Program Penyelarasan Akta dan Enakmen Subsidiari.	Mewujudkan tafsiran, pemahaman dan tatacara yang seragam antara negeri-negeri.	i. Kerjasama dan komitmen MAIN serta agensi berkaitan. ii. Sokongan Kerajaan Negeri.	2008	2011	Penasihat Undang-Undang	1 Akta /Enakmen diseragamkan setiap tahun.
2.	Program pendokumentasian perundangan pembangunan institusi wakaf, zakat dan mal.	i. Memastikan institusi wakaf, zakat dan mal ditubuhkan dengan teratur dari segi perundangan. ii. Memberi nilai tambah terhadap pembangunan ekonomi ummah.	Kerjasama MAIN, agensi berkaitan dan Jabatan Peguam Negara.	2007	2011	• Penasihat Undang-Undang Pengarah Wakaf • Pengarah Zakat • Pengarah Mal	i. Penubuhan YWM, LZA dan DZM mengikut jadual yang ditetapkan. ii. Keperluan undang-undang dipatuhi sepenuhnya.

bersambung...

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators- KPIs)
				MULA	AKHIR		
3.	Program perkongsian pintar perundangan dalam dan luar negara.	i. Meningkatkan ilmu dan kepakaran. ii. Berkongsi pengalaman dan hasil kajian.	i. Kerjasama sepenuhnya oleh agensi berkaitan. ii. Modul dan bidang kerjasama strategik. iii. Peruntukan kewangan.	2008	2011	Penasihat Undang-Undang	1 program kerjasama/ perkongsian pintar setahun.
4.	Program penggubalan model undang-undang wakaf, zakat dan mal.	i. Memberikan punca kuasa yang jelas kepada MAIN. ii. Mengelakan sebarang kekeliruan pengurusan dan bidang kuasa dalam aspek perundangan.	i. Kerjasama dan komitmen MAIN serta agensi berkaitan.	2008	2011	Penasihat Undang-Undang	Satu Rang Undang-undang setahun untuk dijadikan "Model Law".

**TERAS STRATEGIK 4: "Perkhidmatan sokongan bertaraf dunia menerusi pengauditan dalaman yang konstruktif dan efektif"**

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators- KPIs)
				MULA	AKHIR		
1.	Program pengauditan pengurusan organisasi dan kewangan JAWHAR.	Memastikan pengurusan organisasi dan kewangan Jabatan sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang berkuatkuasa.	i. Garis panduan pengaudiitan, Surat Pekeliling dan Pekeliling Perbenda-haraan yang terkini. ii. Kerjasama dan komitmen setiap Bahagian.	2007	2011	Ketua Audit Dalam	2 kali setahun.
2.	Program pematuhan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004.	Mengenalpasti sebarang kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti dan mencadangkan penyelesaian.	Kerjasama dan komitmen setiap Bahagian.	2007	2011	Ketua Audit Dalam	Sekali setahun.

bersambung...

BIL	PROGRAM @ AKTIVITI @ INISIATIF	OBJEKTIF	FAKTOR KEJAYAAN UTAMA (key success factors -KSFs)	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS UTAMA (key performance indicators-KPIs)
				MULA	AKHIR		
3.	Program pengauditan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).	Memastikan pengurusan organisasi dan kewangan YWM sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang berkuatkuasa.	i. Article of Association YWM. ii. Prosedur dan Tatacara Kewangan. iii. Kerjasama dan komitmen agensi berkaitan.	2008	2011	• Ketua Audit Dalam • Pengarah Wakaf	2 kali setahun.
